AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 3 | RABU 19HB JANUARI, 1983. | رابو 4 ربيع‌الاخير 1403 | PERCUMA

# PM KANADA MENGADAP D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Kanada, YAB Tuan Trudeau di Istana Darul Hana petang Khamis lepas.

Tuan Trudeau yang tiba ke sini dalam rangka lawatan sehari dan dalam kunjungannya ke negara-negara ASEAN ketika ini, diiringi oleh Awang GFG Hughes, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia dan Pesuruhjaya Kanada ke Brunei dan Awang M. Von Mostitz, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Luar bagi Kawasan Asia Tenggara dan Selatan.

Ketibaan Tuan Trudeau dan rombongan di Istana Darul Hana telah dialu-alukan oleh TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Awang Arthur Watson dan YTB Penasihat Umum Baginda Sultan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Berangkat sama dalam majlis tersebut ialah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Setelah menamatkan perundingan-perundingan kira-kira sejam dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Tuan Trudeau dan rombongan kemudiannya telah membuat rundingan-rundingan tidak rasmi dengan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Hijau Baiduri.

Beserta dalam perjumpaan itu termasuklah YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman dan YB Peguam Negara, Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas. — M.S.



YANG Amat Berhormat Tuan Pierre Trudeau ketika mengadap kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di Istana Darul Hana.



DARI Istana Darul Hana, YAB Tuan Trudeau berkunjung ke Hijau Baiduri. Gambar atas kelihatan Yang Berhormat itu berbual mesra dengan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan dan YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

## Perjumpaan kali ketiga

GADONG. — Satu majlis perjumpaan antara Jawatankuasa Meneliti Masalah-Masalah Pelajaran dengan pensyarah-pensyarah Pusat Tingkatan Enam telah diadakan pada hari Ahad lalu.

Ini adalah perjumpaan kali ketiga jawatankuasa tersebut sejak ianya ditubuhkan dalam bulan Ogos tahun lalu.

Perjumpaan yang telah diadakan di Bilik Persidangan Pusat Tingkatan Enam itu telah dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri. Setiausaha Jawatankuasa, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd Said dan seorang ahli jawatankuasa, Awang Abd Razak bin Haji Mohammad juga hadir di majlis tersebut.

Lebih dari 30 orang pensyarah dari Pusat Tingkatan Enam menghadiri perjumpaan tersebut.

Selepas menyampaikan ucapan Pengerusi Jawatankuasa mengadakan soal-jawab dengan para pensyarah.

Perjumpaan itu antara lain meneliti masalah-masalah pelajaran, menjelaskan matlamat mereka dan mensyorkan kepada Kerajaan cara yang baik bagi mengatasinya.

### Manisnya Iman

"BARANG siapa yang tiada mengambil berat hal-ehwal orang-orang Islam maka bukanlah dia daripada kalangan mereka (yang dapat diharapkan pimpinannya). — HADIS Nabi riwayat Al-Baihaqi daripada Anas.

## Selamat melahirkan seorang putera

MENJUNJUNG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, dengan amat sukacita diumumkan bahawa Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris dengan izin Allah telah selamat melahirkan seorang putera pada pukul 10.30 pagi hari Ahad, 16hb Januari, 1983 yang menjadi cucunda kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Pelita Brunei

19HB. JANUARI, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## BELIA:

## CORAK PIMPINAN MENERUSI PROGREM KERJA

Sekali lagi peranan pergerakan belia negeri ini dalam memimpin jenerasi muda kita telah diperkatakan. Dalam ucapan merasmikan Kongres Agong Majlis Belia-belia Negeri Brunei pada 1hb. Januari yang lalu yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan dengan tegas menyerukan supaya MBB tidak semestinya terikat pada menyediakan kegiatan-kegiatan bagi mengisi masa lapang anak-anak muda untuk mengelakkan deliquency atau kenakalan semata-mata. Menurut Yang Berhormat sudah tiba waktunya MBB sampai keperingkat menjadi ejen menyedarkan belia-belia untuk mempergunakan masa bagi ikut serta dalam usaha besar masyarakatnya yang menginginkan kejayaan yang berterusan, kemakmuran dan kebahagiaan yang meluas.

Dalam ruangan ini tidak berapa lama dahulu kita pernah juga mengajak kepada pemikiran sekira-kira MBB sebagai sebuah badan induk pergerakan belia dan kebajikan di negeri ini akan lebih menampakkan satu bentuk kegiatan yang mendatangkan faedah secara langsung kepada ahli-ahlinya dan juga belia-belia. Kita menampak MBB boleh berperanan mewujudkan satu bentuk kepimpinan Belia yang lebih konkrit dan diyakini diperingkat akar-umbi menerusi suatu bentuk kegiatan yang tersusun dalam membimbing serta menggerakkan perojek-projek untuk belia-belia.

Tidak dapat dinafikan selama ini MBB sudah pun berhasil memberikan satu corak kepimpinan. Keadaan yang mantap dalam pergerakan belia sejauh ini adalah hasil kepimpinan MBB yang menyedari sumbangannya yang dikehendaki oleh negara. Setentunya kemantapan sedemikian itu akan berterusan, dan dalam keadaan itulah kita melihat MBB akan mengembangkan kepimpinannya menerusi kegiatan-kegiatan yang lebih menekankan kepada memberikan pimpinan secara mengerakkan projek-projek yang melibatkan belia secara langsung.

Kegiatan merangsang tenaga-tenaga belia supaya dapat dipergunakan sepenuhnya bagi keperluan pembangunan ketika ini dan pada masa akan datang setentunya memerlukan satu progrem kerja. Pemimpin-pemimpin belia sangat menyedari dan lebih memahami kehendak-kehendak yang berbangkit diperingkat akar-umbi pada keseluruhannya. Seruan jangan memilih kerja dan jangan semata-mata menumpukan kepada sektor Kerajaan dalam memasuki pekerjaan dengan sendirinya berkehendakkan satu progrem bagi membolehkan belia-belia itu [...] kepada pekerjaan-perkerjaan [...] akhirnya menjadikan mereka [...] orang yang berdikari. Da[...] hubungan ini beberapa sekim [...] jaan yang sudah tersedia di [...] cayai dapat dipergunakan de[...] sebaik-baiknya, katalah, MBB [...] badan-badan kerabatnya d[...] mengemukakan satu progrem [...] mana belia-belia dipimpin [...] digerakkan untuk menj[...] pengusaha berbagai-bagai bi[...] kemudahan dan keperluan a[...] yang termampu oleh mereka. [...] satu contoh. Mungkin banyak [...] bidang kerja yang boleh ditawa[...] kepada belia-belia menerusi pro[...] projek yang di-rancang sec[...] teratur.

Perkara seumpama inilah ya[...] setentunya akan menjadi inti-[...] dalam meniliti dan memperkal[...] pergerakan belia-belia kita. Su[...] setentunya semua peringkat p[...] pinan pergerakan belia yang a[...] pada masa ini lebih arif u[...] merumuskan satu progrem ke[...] yang kesannya akan dirasa[...] secara langsung oleh belia-be[...] kita yang sememangnya berkehe[...] dakkan pimpinan itu.

## DENGAN BIDANG KEMAHIRAN MASING2:

# UTAMAKAN TANGGUNGJAWAB KEPADA NEGERI

**BERIKUT ucapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Brunei, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sempena sambutan kelima ulang tahun Persatuan Kimia Brunei pada 15hb. Januari, 1983.**

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah, selawat serta salam keatas Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wasallam yang telah menjadi rahmat kepada seluruh alam.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Persatuan Kimia Brunei kerana menjemput saya hadir ke Majlis ini dan memberi saya peluang untuk memberikan sedikit ucapan.

Saya turut berharap semuga persatuan ini akan sentiasa menempuh kejayaan dalam apa jua yang dirancangkannya semata-mata bagi faedah yang menguntungkan kepada ahli-ahli persatuan khasnya dan rakyat serta penduduk negeri ini amnya.

### TANGGUNGJAWAB KEPADA NEGARA

Persatuan-persatuan yang ada di negeri ini khusus-nya persatuan professional seperti Persatuan Kimia ini, saya percaya sudah lama menyedari bahawa pertumbuhan mereka bukanlah hanya semata-mata berkhidmat kepada ahli-ahlinya yang mana jumlah ahli-ahlinya itu hanyalah merupakan segolongan kecil ahli masyarakat. Apa yang di hasratkan oleh Negeri Brunei serta rakyat dan penduduk yang ada di dalamnya supaya persatuan itu akan mengutamakan tanggungjawabnya kepada negeri ini dalam bidang-bidang kemahiran masing-masing. Dengan kata lain persatuan-Kerajaan dalam membangun negeri ini. Sebab itulah apa jua manfaat yang dichapai dalam mengadakan Persatuan Kimia ini maka manfaat itu tidak semestinya terhad kepada ahli-ahlinya sahaja, tetapi hendaklah juga baik sechara langsung mahu pun tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat dan penduduk negeri ini sechara menyeluruh. Saya yakin Persatuan Kimia ini akan berjaya menanamkan hakikat ini untuk menjumlahkannya sebagai persatuan yang berguna kepada Negeri Brunei. Hakikat seperti ini akan menjauhkan diri daripada sifat dan tabiat 'nafsu nafsi'. Sebuah persatuan yang dinamik tentunya tidak akan gemar terhadap perangai 'nafsu nafsi' ini.

Saya percaya Persatuan Kimia ini yang mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada golongan intelectual yang berkelibar, mempunyai pandangan luas terhadap perkembangan-perkembangan di dalam dan di luar negeri; mempunyai kemampuan untuk mencapai hasrat negei ini. Persatuan ini boleh merangka stratejik planningnya untuk pencapaian itu.

### PANDANGAN LUAS

Sebagaimana yang sama-sama kita ketahui pada waktu ini Kerajaan sedang menumpukan usaha untuk meluaskan dan persatuan seperti hal-nya Persatuan Kimia ini akan menjadikan diri-nya sebagai salah satu daripada ejen untuk menchapai objektif mempertinggikan lagi tahap penerimaan dan pemahaman sains dan teknologi di negeri ini. Persatuan ini mempunyai kelayakan dan kemampuan bagi mempercepatkan proses pencapaian hasrat Kerajaan itu. Dalam hubungan ini, supaya pada masa-masa akan datang apabila persatuan ini mengundang pensyarah-pensyarah yang terpuji maka syarahan-syarahan itu janganlah semata-mata dihadkan untuk ahli-ahlinya sahaja, adalah lebih berkesan untuk menepati hasrat negeri ini jika syarahan-syarahan itu di perluaskan kepada kaum pendidik yang berkenaan dan juga kepada murid-murid sekolah apabila difikirkan sesuai. Begitu juga saya berharap Persatuan Kimia ini akan berdamping rapat dengan [...] Jabatan Pelajaran dengan [...] juan untok member[...] sumbangan yang berke[...] iaitu kepada Negeri Bru[...]

### REBAH-RIMPAH

Dalam pada itu un[...] membolehkan satu-satu p[...] satuan itu memberi[...] perkhidmatan ya[...] berkesan kepada Ne[...] Brunei ini, persatuan [...] sendiri mestilah solid [...] daannya. Untuk men[...] sebuah persatuan yang s[...] bukan semata-mata berg[...] tung kepada keram[...] ahli-ahlinya tetapi per[...] yang sangat penting [...] kepimpinannya mesti[...] sempurna, objektif[...] mestilah tegas dan p[...] jalanannya wajarlah [...] Persatuan yang rebah [...] pah perjalanannya t[...] tidak akan dap[...] memberikan perkhidma[...] yang berkesan.

Perkara yang sangat p[...] ting diingat ialah supa[...] persatuan-persatuan [...] negeri ini khusus[...] persatuan-persatuan profe[...] sional tidak akan mengaba[...] abaikan ciri-ciri kehidup[...] yang terdapat di negeri i[...] Mengenai perkara i[...] adalah menjadi tekad Ker[...] jaan akan terus mene[...] menseimbangi perkem[...] bangan material deng[...] pertumbuhan kesubur[...] kerohanian rakyat dan pe[...] dudok negeri ini kera[...] dalam keperluan seba[...] sebuah negeri yang mod[...] kita mestilah juga memp[...] tahankan tradisi yang tid[...] merugikan. Setiap pers[...] tuan mestilah menyeda[...] hakikat ini dan tidak a[...] mengingkarinya.





Kaptan Ishak bin Md. Zain menerima Pingat Kerja Lama yang disampaikan oleh Brigadier John Friedberger (kiri) dan gambar atas kelihatan anggota-anggota yang menerima Pingat yang sama. — Gambar2 ehsan AMDB

# TIGA ORANG ANGGOTA AMDB TERIMA SIJIL KEPUJIAN DARI KEBAWAH DYMM

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan sijil-sijil kepujian kepada tiga orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei yang terlibat dalam satu usaha menyelamat seorang rakan mereka yang tercedera. Mereka menerima sijil tersebut atas kejayaan mereka menjalankan tugas dengan tenang dalam keadaan yang merbahaya.

Mereka menerima sijil-sijil kepujian mereka di satu majlis yang berlangsung di Perkemahan Berakas. Mereka ialah S/Sgt Mahdeli bin Idris, Pmk. Cpl. Abu Zar bin Abd Talip dan L/Kpl Hamdani bin Othman.

Sijil-sijil tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Brigadier John Friedberger.

Gerakan menyelamat itu telah berlaku dalam bulan Mac lalu di kawasan Bukit Sagun di Temburong.

### PINGAT KERJA LAMA

Dalam majlis yang sama sembilan orang askar yang lain telah menerima Pingat Kerja Lama dan Kerja Baik.

Mereka ialah Capt. Ishak bin Md Zain, S/Sgt. Bakir bin Bakar, S/Sgt. Mazid bin Timbang, S/Sgt. Buyong bin Asmat, S/Sgt. Abdul Mazid bin Md Tahir, Sgt/Saman bin Nayan, Cpl. Sapar bin Abd Rahim, Cpl. Karim bin Jais, dan L/Cpl Sambli bin Azmain.

## Tiga orang pegawai Pertanian berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah DYMM telah berkenan menghantar dua orang pegawai dari Jabatan Pertanian bagi mengikuti kursus Pengembangan Pertanian dan Perhubungan di Kasetsart Universiti, Bangkok, Thailand selama lebih kurang enam minggu, bermula pada 14hb. Januari lepas.

Mereka ialah Awg. Kamis bin Haji Tamin, Ketua Bahagian Pengembangan Pertanian Daerah Brunei dan Muara dan Awg. Kamis bin Ali Hashim, Penolong Pegawai Pertanian di Bahagian Pengembangan Pertanian Daerah Belait.

Mengikuti pehak penganjor, pelita difahamkan bahawa pegawai-pegawai tersebut akan bekerja sambil berlatih dalam hal ehwal pengembangan dan perhubungan yang lanjut. Mereka juga dilatih dalam perkara seperti kaedah-kaedah pengembangan dan kemajuan luar bandar dan penggunaan media massa dalam kerja-kerja pengembangan.

Sementara itu pegawai-pegawai itu juga akan mempelajari rancangan-rancangan pengembangan dan teknik-teknik rancangan-rancangan pengembangan di negara-negara Asia Tenggara, di samping mengadakan lawatan-lawatan luar, perbincangan kumpulan, menghadiri bengkel dan membuat projek-projek perhubungan.

Seorang lagi pegawai dari Jabatan Pertanian juga telah berlepas ke United Kingdom pada 10hb. Januari lalu bagi mengikuti kursus "Overseas Technical Teachers Award" di Wolverhampton Polytechnic selama tiga tahun.

Beliau ialah Awg. Ong Pang Ting yang bertugas sebagai pensharah di Pusat Pertanian Sinaut.



Awg. Ong Pang Ting



Awg. Kamis bin Ali Hashim



Awg. Kamis bin Haji Tamin

## Tidak dibenarkan membena rumah di kawasan ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai adalah ditegah sama sekali membersehkan kawasan-kawasan dan membina rumah-rumah di sepanjang tebing Sungai Brunei.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Brunei-Muara menyatakan sebarang kerja-kerja pembersehan dan pembenaan rumah hendaklah diberhentikan dengan serta merta.

Kawasan-kawasan tersebut ialah di Kampung Mentiri, Sungai Besar, Sungai Belukut, Serdang, Sungai Matan, Datu Gandi, Pelambayan dan Kota Batu.

Menurut kenyataan tersebut bahawa jika sekiranya perkara ini tidak di indahkan, maka tindakan akan di ambil atas kesalahan-kesalahan yang ditafsirkan oleh Perentah Darurat (Kesalahan-Kesalahan Kecil (Pindaan) 1982 Pengawalan Terhadap Pembangunan Pendirian dan sebagainya akan dikenakan hukuman menurut Bab 42 dari undang-undang tersebut.

## 6 orang Pegawai AMDB naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dengan sukachita Pemerintah Pasokan telah menaikkan pangkat seramai enam orang lagi pegawai-pegawai Askar Melayu Diraja Brunei.

Mereka ialah 6311 Pegawai Kadet Azlan bin Haji Saji, 6894 Pegawai Kadet Awg Ahmad bin Haji Awg Salleh dan 6969 Pegawai Kadet Mazlan bin Awg Tengah, semuanya dari Battalion Pertama, dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Muda.

Sementara tiga pegawai lagi dari Battalion kedua yang dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Muda ialah 6310 Pegawai Kadet Roslan bin Hamdan, 6323 Pegawai Kadet Mohd. Taha bin Mohd. Yusof, dan 6977 Pegawai Kadet Ak. Abas bin Pg. Hj. Othman.

Kenaikan pangkat bagi semua pegawai-pegawai tersebut bermula pada 29hb Disember tahun lepas.

## Angka Tunjuk Barang2 Pengguna naik lagi

BANDAR SERI BEGAWAN — Angka Tunjok Harga Barang-barang Pengguna bagi bulan Disember, 1982 ialah 139.1 mata dan ini adalah +0.1 peratus lebih tinggi dari angka tunjuk bulan ini adalah juga lebih tinggi sebanyak +4.9 peratus jika dibandingkan dengan angka tunjok bulan Disember, 1981.

Kenaikan harga barang-barang makanan di dalam musim perayaan ini adalah merupakan sebab bagi kenaikan angka tunjoknya. Sementara itu, harga lain-lain barang di kumpulan-kumpulan lain adalah maseh tetap tidak berubah.

Barang-barang makanan yang menyebabkan kenaikan angka tunjok bulan ini ialah beberapa jenis ikan hidup, udang kechil, susu tepong, susu pekat, minyak jagong, nenas, limau manis, timun, kacang panjang dan halia. Harga-harga udang besar, pisang dan bunga kubis pula adalah lebeh murah dari harga-harga bulan terdahulu.

# PENDIDIKAN DALAM ISLAM

## Siri ke-167

## ADAB GURU

Seseorang guru itu sudah sewajarnyalah bersunggoh-sunggoh semasa mengajar penuntut, mengambil berat akan hal ehwalnya, lebeh dari menambil berat pada hal ehwalnya sendiri bagi faedah-faedah dirinya, kecuali ia benar-benar berhajat untuk keperulan dirinya sendiri itu. Sebagai seorang guru seharusnya mengalu-alukan kedatangan mereka iaitu menurut bunyi hadis sahabat Abu Sa'id Al-Khudri, sebagaimana diterangkan sebelum ini. Seharusnya juga ia menampakkan perasaan suka dan manis muka, dan ia berbuat baik kepada mereka dengan ilmunya, dan hartanya, dan dengan pengaruhnya, seberapa yang dapat dan terdaya. Dan jangan ia berkata kepada orang-orang yang mulia daripada penuntut-penuntutnya dengan memanggil namanya, sebaiknya ia memanggil dengan nama timang-timangannya atau gelaran-gelarannva, kerana menurut hadis Sayedatina 'Aishah (Radhiallahu 'anha) telah berkata: *"Bahawa Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wasallam) adalah memanggil sahabat-sahabat Baginda dengan timang-timangan mereka, kerana memuliakan mereka, dan menghormatkan kedudukan mereka."*

Sayugialah bagi guru itu: Bertanya akan sebab penuntut-penuntut yang tiada datang mengaji, dan sayugia baginya menghabiskan usaha pada memberi faham yang sejelas-jelasnya supaya memberi faedah kepada fikiran penuntut-penuntut dengan tujuan memberi hidayah dan menunjukkan jalan yang betul. Ia berbuat demikian kepada tiap-tiap penuntut adalah menurut kadar penerimaan masing-masing dan kadar kemampuan hafaz masing-masing, jangan ia memberi pelajaran lebih dari kadar kemampuan masing-masing dan jangan pula kurang dari kemampuan mereka. Dan apabila bercakap kepada masing-masing penuntut itu hendaklah di atas kadar faham dan himmah masing-masing. Cukuplah dengan isyarat kepada penuntut yang betul-betul faham dan menerangkan ibarat dengan sejelas-jelasnya kepada yang lemah fahamannya itu, dan diulang-ulang ibarat itu kepada yang lambat hafaz dan ingatannya.

Mengenai dengan hukum-hukum hendaklah di sebutkan dengan membawa misal-misal dan toh-contoh dengan membawa dalil bag nuntut yang tiada menghafaz dalil, jika nuntut jahilkan setengah dalil-dalil sesuatu masalah itu daklah dia sebutkan itu, dan dia sebutkan dalil jika pada mas masalah itu ada dalil dia sebutkan dalil-dal suatu masalah dan m lah yang seakan-akan salah itu, dan hukum dan hukum-hukum scakan-akan sama den nya. Dan di nyatakan perbezaan di antara masalah itu atau per yang berbangkit dari jawapan di atas per yang berbangkit itu.

Begitu juga perlu sebutkan dalil yang sambil menerangkan gaimana dalil itu jadi supaya penuntut tiada pedaya dengan dalil daif itu, dan disebu dalil yang muktamad paya penuntut dapat madkan dalil itu, dan nyatakan apa perkara berhubung dengan kum-hukum itu, dalil-d nya, perumpamaan-pe pamaannya, syair-s nya, dan selok-belok b sanya. Selain tu hendak juga ia menerangkan salahan pengarang-pe rang, di tempat mana salah dan mana yang tul. Umpamanya apa di sebutkan oleh pulan adalah salah atau daif ngan tujuan memberi sihat kepada penuntut paya penuntut itu terpedaya dengan salah atau daif itu, b kerana menghinakan ngarang-pengarang itu rana menyakiti Ula Fikeh atau menghina nya adalah suatu dosa kesalahan yang amat rat, Firman Allah T yang tafsirnya: *"Berto duklah kamu kep orang-orang Mukmi*

Dan Firman Allah T lagi dalam Surah Ahzab ayat 58 tafs berbunyi: *"Mereka menyakiti orang-o Mukminin dan o orang Mukminat de perkara yang mereka lakukan, maka sesung nya mereka telah me gung dosa dan me dusta yang sangat ny*

*WALLAHU A'AL*

(Bersambong).

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDU (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dat Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cair



ISLAM telah menjadi pegangan hidup yang baru kedua orang gadis Dusun ini: Dayang Noraziah dan Dayang Nur Azilahlianah.



AWANG Mohd Rosli bin Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya.

# 214 ORANG MEMELUK UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 214 orang telah memeluk ugama Islam di negeri ini sepanjang tahun 1982 lepas. Dari angka tersebut Daerah Brunei dan Muara telah mencatitkan jumlah yang terbanyak sekali iaitu 117 orang, di ikuti oleh Daerah Belait seramai 68 orang, Daerah Tutong 19 orang dan Daerah Temburong 10 orang.

Ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, iaitu tahun 1981 seramai 189 orang, 1980 seramai 214 orang dan tahun 1979 mencatitkan 298 orang Menurut perangkaan Jabatan Hal Ehwal Ugama di sini puak Iban adalah yang terbanyak sekali memeluk ugama Islam, di ikuti oleh puak Dusun dan yang selebihnya lain-lain puak asli.

Sementara itu tiga orang lagi telah memeluk ugama Islam di negeri ini baru-baru ini dalam majlis pengIslaman yang berasingan.

Seorang pemuda Iban berasal dari Sarawak, Rutur anak Nyamon telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin. Rutur melafazkan ikrar tersebut di satu majlis yang berlangsung di rumah Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Md. Yussuff di Batu 3, Jalan Tutong. Rutur kini di kenali sebagai Awang Mohd. Rosli bin Abdullah.

Dalam satu majlis yang lain, dua orang gadis Dusun Dayang Rinah bte Lumpoh dan Dayang Asmah bte Masri telah memeluk ugama Islam. Kedua gadis tersebut masing-masing melafazkan ikrar Islamnya di hadapan dua orang pegawai dari Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad bin Pehin Jawatan Luar Haji Abdullah dan Awang Ali bin Abd. Hamid.

Majlis itu berlangsung di rumah Awang Ariffin bin Alias, Jalan Ong Sum Ping di sini. Kedua gadis tersebut kini masing-masing di kenali sebagai Dayang Noraziah bte Abdullah dan Dayang Nur Azilahlianah bte Abdullah.

TB.

# HARTA :"HIJAU DAN MANIS"

## Ramai orang terpesona dan lalai

**KHUTBAH JUMAAT**



MARILAH kita terus bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan taat menjunjung titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Dalam keadaan orang-orang sibuk mencari harta, elok rasanya kita bawakan sebuah hadis Rasulullah s.a.w., yang boleh menjadi panduan kita bersama. Hadis ini di-riwayatkan oleh Ad Darimi daripada Hakim bin Hizam, yang maksudnya: *"Telah bercerita Hakim bin Hizam, katanya: Saya telah meminta sesuatu kepada Rasulullah, lalu Baginda memberi apa yang saya kehendaki itu. Kemudian saya minta lagi dan Baginda memberinya. Kemudian saya minta lagi, lalu Baginda pun bersabda: Wahai Hakim sesungguhnya harta dunia ini hijau dan manis, sesiapa yang mendapat atau mencarinya dengan merendah diri diberi berkat, dan sesiapa yang mendapat dengan meninggi diri tidak diberi berkat. Dia adalah seperti makan yang tiada kenyang-kenyang. Dan tangan yang di atas itu adalah lebih baik daripada yang di bawah."*

Ada dua kesimpulan yang dapat diambil daripada maksud hadis ini: —

Pertama: Rasulullah telah menamakan harta itu sebagai benda "hijau dan manis", yang bermakna harta itu adalah sesuatu yang menarik minat manusia, seperti tumbuh-tumbuhan yang subur dan bunga-bunga yang indah. Dan kemudian ia juga disifatkan manis, kerana biasanya yang manis-manis itu digemari orang, seperti manis madu, manis buah-buahan dan lain-lain lagi. Demikianlah bandingan harta dunia itu menurut Rasulullah s.a.w. ibarat tumbuh-tumbuhan subur dan rasanya manis lazat, yang boleh mempersona dan melalaikan kita.

Kedua: Orang yang mencari harta hendaklah sederhana, merendah diri dan tidak boleh curang atau menbuyuk serta pelihara batas-batas yang ditetapkan oleh ugama. Jika diikuti garis pandu ini, bermakna harta yang dicari dengan cara yang seumpama itu akan beroleh berkat. Tidak boleh kita mencari harta dengan meninggi diri dengan sifat haluba, curang dan tidak menghiraukan batas-batas ugama. Orang yang berharta dikehendaki menjadikan dirinya senantiasa pemurah, tidak tamak dan pandai bersyukur. Janganlah bermegah-megah atau meninggi diri kerana banyak harta. Kerana kelakuan seperti itu menyebabkan harta tidak berkat. Harta yang tidak berkat kurang faedahnya. Orang yang memiliki harta yang tidak berkat tidak akan merasa bahagia dan tenang, bahkan sentiasa cemas, keluhkesah dan takut-takut. Ia mungkin bakhil bertambah-tambah lalai dilalaikan oleh hartanya.

Firman Allah Taala dalam surah At Takasur ayat 1 hingga 2 tafsirnya: *"Kamu dilalaikan oleh perlumbaan membanyakkan harta kekayaan, sehingga kamu masuk kubur (mati)."*

Firman-Nya lagi dalam surah Al Lail ayat 11, tafsirnya: *"Kekayaan itu tiada berguna kepadanya, apabila ia telah binasa, meninggal dunia"*.

Begitulah, wahai kaum Muslimin, orang-orang yang meninggi diri dengan harta, mereka itu disifatkan seperti orang makan yang tidak pernah merasa kenyang-kenyang. Yakni makanannya itu tidak memberi faedah kepadanya, ia hanya semata-mata cinta kepada harta seperti yang diterangkan oleh Al-Quran surah Al Fajr ayat 20. *"Cinta kepada harta yang keterlaluan."*

Ketiga: Pengajaran yang akhir dari hadis ini, ialah memberi galakan kepada orang-orang Islam supaya senantiasa bersifat murah, ringan tangan tidak bakhil untuk menghulurkan bantuan atau sedekah kepada orang-orang yang memerlukannya. Nabi s.a.w. mensifatkan tangan-tangan yang memberi itu lebih utama dari yang menadah (menerima).

## Taat kepada ibu :

# Pemuda mulia sedarjat Nabi

KITA sama-sama maklum bahawa anak adalah merupakan salah satu unsur terpenting dalam kehidupan kita. Ini adalah di sebabkan ia akan menjadi harapan di hari esok. Jadinya adalah tidak hairan jika kita mendapati setiap ibubapa mengambil berat tentang diri anak-anak mereka.

Tapi apa halnya kalau seseorang anak itu tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dari kedua ibubapanya? Tentulah cara hidup anak itu nanti bila ia dewasa akan berlainan. Dan lebih teruk lagi ia mungkin tidak akan berbakti kapada kedua ibubapanya.

Berikut diperturunkan suatu kisah nyata yang cukup memberi perangsang dan kesedaran bagi anak-anak yang tidak berbakti kepada ibubapanya dan akan menjadi tauladan kepada kita semua.

Di zaman Nabi Musa a.s. ada seorang pemuda yang tampan dan gagah, tinggal di sebuah kampung yang tidak jauh dari daerah di mana Nabi Musa a.s. tinggal.

Pada suatu malam Nabi Musa a.s. bermimpi, bahawa ada seorang pemuda yang kelak akan memiliki darjat sama dengan Baginda di dalam syurga. Nabi Musa bertanyakan di dalam mimpinya itu, pemuda manakah yang di maksudkan itu? Maka di beritahukan bahawa pemuda itu mempunyai perangai yang ganjil jika di amat-amati kehidupannya sehari-harian. Dia selalu berjalan ke pasar dengan mendukung semacam bungkusan besar, di buat daripada alat yang menyerupai bakul. Pemuda itu memang benar-benar ganjil. Sebelum ia makan sesuatu makanan atau meminum minuman, tangannya di masukkan ke dalam bakul terlebih dahulu, kemudian barulah ia makan yang sedikit itu, demikian jua minuman, ia akan meminum yang selebihnya. Dan lagi, ke mana saja pemuda itu ber jalan ataupun berhenti, bakul yang di dukungnya itu tidak pernah di letakkannya.

Demikian alamat dalam mimpi Nabi Musa a.s. itu sehingga apabila terjaga Baginda sangat hairan dengan apa yang dilihat dalam mimpinya.

Pada keesokan harinya, Baginda berniat dan bertekad untuk mengetahui pemuda luar biasa itu. Luar biasa kerana seorang awam mempunyai darjat yang sama dengan Baginda seorang Nabi.

Pada suatu hari Nabi Musa a.s. dapat berjumpa dengan pemuda yang disebutkan dalam mimpinya itu. Baginda mengekorinya serta mengamati tingkah-lakunya yang benar-benar ganjil seperti yang dilihatnya dalam mimpinya itu. Oleh sebab Baginda benar-benar ingin tahu latar belakang hamba Allah itu, maka diikutinya terus sehingga pemuda itu kembali pulang ke rumahnya. Nabi Musa a.s mengikuti terus menerus ke dalam rumah pemuda itu dengan meminta izin kepadanya terlebih dahulu.

Nabi Musa melihat pemuda itu sebaik-baik saja sampai terus naik ke tingkat atas rumahnya, dan kemudian turun balik setelah bakul yang di dukungnya itu diletakkannya baik-baik. Maka pada ketika itulah Nabi Musa a.s. berkesempatan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan kepadanya yang lebih kurang maksudnya:

*"Saya hairan melihat tingkah lakumu yang lain daripada orang lain."* Tanya Nabi Musa a.s. yang benar-benar ingin tahu keganjilan pemuda itu. *"Dan lagi setiap kamu makan dan minum, terlebih dahulu kamu masukkan tangan kamu ke dalam bakul itu?"*

*"Bakul yang saya dukung itu adalah ibu saya yang sudah tua, ia tidak lagi dapat berjalan, dan saya khuatir jika saya tinggalkan ia sendirian di rumah saya takut ada bahaya yang saya tidak ketahui."* Jawab pemuda itu. Kemudian ia menjelaskan lagi: *"Sebelum saya sendiri makan dan minum, saya masukkan tangan saya ke dalam bakul itu untuk menyuapkan makanan itu kepada ibu saya terlebih dahulu, kerana tidak patut seorang anak memberi makanan kepada orang tuanya dari sisa makanan. Biarlah andaikata makanan itu habis di makan oleh ibu saya, perut saya pun kenyang, dan jika masih ada lagi, barulah saya memakannya setelah itu saya kenyang dan tidak kehausan."*

Nabi Musa a.s. terdiam dan terharu atas keterangan pemuda yang tampan dan gagah itu dan kemudian minta diri untuk pulang. Dalam perjalanan hatinya berkata: *"Alangkah mulia budi pemuda itu, yang sangat taat dan patuh kepada ibunya. Wajarlah ia mendapat darjat di syurga sedarjat denganku."*

**Bingkisan minggu ini**

Demikian suatu riwayat di mana seorang anak yang taat dan patuh kepada ibunya mendapat darjat yang tinggi dan dijamin oleh Allah s.w.t. mendapat darjat sama dengan para Nabi. Mudah-mudahan kisah itu akan membawa kesedaran dan tauladan serta menjadi renungan agar hati kita tetap ingat kepada Allah s.w.t. dan seterusnya sentiasa berbakti dan mendoakan ibubapa kita.

## PEMBETULAN

**Keluaran 12hb. Januari 1983 muka hadapan di bawah tajuk: 'Perubahan Gaji dan Naik Pangkat' pra 2 terdapat sedikit kesilapan dan sepatutnya hendaklah dibaca seperti berikut:—**

**"Awg. Haji Abd Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan (Kumpulan 4) telah diperkenankan menjawat jawatan Timbalan Kadi Besar Brunei. Berikutan dengan perubahan ini sukatan gaji Timbalan Kadi Besar dinaikkan dari B3 kepada Kumpulan 4".**

**Atas Kesilapan yang tidak di senghajakan itu kami memohon maaf. — Penyunting.**

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matarari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19hb Januari, 1983 hingga kehari Selasa 25hb Januari, 1983 adalah seperti dibawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19hb Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.05 | 5.18 | 6.35 |
| 20hb Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.05 | 5.18 | 6.35 |
| 21hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 22hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 23hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 24hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 25hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.**

**Sembahyang Juma'at di seluruh Negeri Brunei dimulai dari pukol 12.41 tengahari.**





# PEMANGKU MB TINJAU BERBAGAI PROJEK



DALAM melaksanakan sesuatu projek pembangunan, kerajaan bukan saja sekadar ingin memastikan sesuatu projek itu berjalan lancar dan dapat disiapkan oleh pemborong-pemborong tepat pada masanya sebagaimana yang dirancangkan, tetapi yang lebih penting ialah mempastikan 'kualiti' binaannya termasuklah bahan-bahan dan peralatan yang digunakan benar-benar menepati sebagaimana yang dihasratkan untuk sesuatu projek itu.

Untuk itu Kerajaan Kebawah DYMM melalui jabatan-jabatan yang berkenaan telah mengaturkan pegawai-pegawainya untuk mengawasi sesuatu projek itu dari sejak kerja-kerja mula dijalankan hinggalah selesai.

Di samping itu, perhatian dari pegawai-pegawai tinggi kerajaan terhadap beberapa projek pembangunan kerajaan samada yang telah siap atau pun sedang dijalankan juga tidak dinafikan, dan ianya tentulah dianggap sebagai suatu yang penting walaupun diantaranya hanya sekadar melakukan tinjauan ke tempat-tempat yang berkenaan.

Tinjauan atau lawatan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan atau pembesar-pembesar negara terhadap projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan itu memanglah wajar dan dirasakan berkesan dan berfaedah.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman disertai oleh Yang Berhormat Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengarah Kerja Raya, Brunei serta beberapa orang pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerja Raya telah mengadakan tinjauan ke beberapa buah projek pembangunan kerajaan sekitar ibu negeri.

OLEH:
TIMBANG BAKAR
GAMBAR2 OLEH:
PG. YAAKUB PMH. HASHIM

Tinjauan YAB Pemangku Menteri Besar dan rombongan itu bermula di projek pembinaan Mahkamah Tinggi dekat Kompleks Membeli-belah Klasse di ibu negeri.

Kedua-dua YAB Pemangku Menteri Besar dan YB Pemangku Setiausaha Kerajaan meneruskan lawatan mereka ke projek pembinaan Jambatan Edinbrugh atau Jambatan Rangas yang menelan belanja $5 juta. Hampir 50 peratus kerja pembinaannya telah siap dan dijangka akan dapat digunakan dalam bulan Mei yang akan datang.

Sebuah lagi penghubong perjalanan ke ibu negeri yang penting ialah Jambatan Gadong yang kini juga sedang dalam proses pembinaan bagi membesarkan jambatan tersebut. Projek tersebut menelan belanja kira-kira $3 juta dan di jangka siap dalam bulan Jun tahun ini.

Pembesaran kedua kedua jambatan tersebut adalah sebahagian dari ranchangan infrastruktor kerajaan yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dijalanraya terutamanya disekitar Bandar Seri Begawan.

YAB Pemangku Men Besar dan YB Pemang Setiausaha Keraja kemudiannya menerus tinjauan ke projek pem naan kompleks jabat jabatan kerajaan di ta lapangan terbang la Berakas. Terdapat buah kompleks, seb daripadanya telah siap mana lima buah jaba telah di-tempatkan y telah berpindah kompleks tersebut p bulan Nobember ta lepas.

Jabatan-jabatan y telah berpindah kompleks tersebut i Jabatan Pelajaran, Jaba Kenaziran, Jabatan K jikan Belia dan Su Jabatan Odit dan L baga Peperiksaan.

Manakala kedua-kompleks yang belum itu, pembinaannya jalan rancak dan la Ianya akan dapat dig kan pada awal tahun ini.



**GAMBAR** atas sekali sebelah kiri bangunan enam tingk sudah hampir siap di mana enam buah jabatan kerajaan ditempatkan. Jabatan-jabatan tersebut ialah Pejabat Suruha Perkhidmatan Awam, Pejabat Perjawatan, Jab Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik, Pejabat Kehutanan, Jab Perpindahan dan Pejabat Buruh.

**MANAKALA** gambar kanan ialah bangunan untuk me patkan empat buah jabatan iaitu Jabatan Kerja Raya, Pe Peranchang Bandar dan Negara, Pejabat Tanah dan Pe Ukur. Penempatan keempat-empat buah jabatan itu kena tempatnya, kerana sebagaimana dimaklumi ke empat-e jabatan itu sangat berhubung rapat di antara satu sama terutama dalam urusan-urusan yang berhubong dengan k tingan orang ramai. Bangunan yang berharga 20 juta ring mengandungi dua buah blok dan sebahagian besarnya telah siap.

**YAB** Pemangku Menteri Besar dan YB Pemangku Setia Kerajaan sedang memerhatikan pelan-pelan bangunan te sambil mengikuti penerangan oleh salah seorang Jurutera borong sebaik-baik saja ketibaan rombongan tersebut di sana baru ini.

**MANAKALA** gambar kiri, kelihatan rombongan pelaw ketika berada di projek Jambatan Gadong.

# LAMPU HIJAU LAKSANAKAN EJAAN BARU



Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

**BERIKUT IALAH PENJELASAN PENGIRAN BADARUDDIN BIN PENGIRAN GHANI, PENGARAH DBP DALAM TINJAUAN MAJALAH RADIO MENGENAI SISTEM EJAAN BARU YANG TELAH DISIARKAN PADA MALAM JUMAAT, 14HB JANUARI, 1983.**

Diusahakan dan disusun oleh: Mohammad Salim dan Muhaimin Hj Mohammad

**KERAJAAN telah pun memberikan lampu hijau memperkenankan sistem ejaan baru untuk dilaksanakan di negeri ini pada tahun 1983 iaitu pada awal tahun ini secara berperingkat-peringkat. Ini telah diputuskan memikirkan bahawa negara kita akan mencapai kemerdekaan penuh lagi tulen. Insya Allah pada penghujung tahun ini kita perlu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam semua perkara termasuklah juga soal-soal bahasa dengan negara-negara jiran tetangga dengan pemikiran negara kita Brunei Darussalam akan lebih dapat memberikan sumbangan di bidang pembinaan dan pengembangan Bahasa Melayu yang dicita-citakan untuk menjadikan bahasa lingua franka atau bahasa perhubungan antara negara-negara di rantau ini.**

**Dengan ejaan baru ini dilaksanakan menjadikan kita sebagai sebuah negara yang akan sama-sama melaksanakan perkembangan Bahasa Melayu itu sendiri di bidang ilmu pengetahuan moden kerana bahasa yang tidak berkembang sistem ejaannya sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi, ia akan menjadi bahasa yang akan mati begitu sahaja sama seperti bahasa Sanskrit, bahasa Latin atau bahasa Jawa. Kita tidak akan mahu memberikan diri kita sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi penuh merdeka menghadapi atau mengalami suasana seperti itu, kerana itu, langkah pada melaksanakan sistem ejaan baru di negeri kita ini oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah satu langkah yang paling bijaksana yang kita anggap sebagai satu perkara yang amat praktikal dan rasional.**

*Langkah pada melaksanakan sistem ejaan baru di negeri kita ini oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah satu langkah yang paling bijaksana yang kita anggap sebagai satu perkara yang amat praktikal dan rasional.*

*Soalan: Jadi apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyempurnakan perlaksanaannya?*

Pada asasnya sistem ejaan baru ini telah dipakai di negara jiran tentangga kita Indonesia dan Malaysia telah berjalan selama sepuluh tahun sejak tahun 1972 apabila ia dipersetujui oleh kedua-kedua negara berkenaan. Kita telah pun nampaknya tertinggal sepuluh tahun, namun demikian di sebabkan oleh kebanjiran bahan-bahan cetak ke negeri ini dari kedua-kedua negara berkenaan, saya kira pendedahan kepada sistem ejaan baru ini telah lama berlaku dikalangan rakyat dan penduduk di negeri ini. Berasaskan inilah kami memikirkan bahawa langkah-langkah paling penting sekarang ialah mendatangkan pakar bahasa dari negara jiran kita iaitu dari Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia untuk melaksanakan satu kursus intensif ejaan baru kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dari

*Jika sekiranya ada apa-apa masalah timbul, maka semua pihak hendaklah merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendapatkan penerangan dan nasihat di bidang sistem ejaan baru.*

berbagai-bagai pejabat, dan selepas itu insya Allah Dewan Bahasa sendiri akan menyibarkan pula sistem ejaan baru ini melalui kursus kepada pihak-pihak lain di luar daripada kerajaan.

Langkah pertama kami ialah untuk mengadakan kursus intensif ejaan baru selama satu bulan yang telah pun dimulakan pada 18hb. Januari baru-baru ini dengan mendatangkan pakar bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, iaitu Encik Ismail Dahaman yang terlibat secara langsung dengan sistem ejaan baru di negara Indonesia dan Malaysia dan kursus ini akan diadakan di kesemua daerah di negeri ini. Mudahan-mudahan selepas kursus itu nanti Dewan Bahasa dan Pustaka akan menjadi pengawas pada perlaksanaan sistem ejaan baru ini dan menjadi penyelaras jika sekiranya ada apa-apa masalah timbul, maka semua pihak hendaklah merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mendapatkan penerangan dan nasihat di bidang sistem ejaan baru.

*Soalan: Bagaimanakah penggunaannya untuk diserapkan kepada orang ramai?*

Nampaknya di sekolah-sekolah telah pun lama berjalan, namun demikian kita akan melipat gandakan lagi penggunaannya ini bukan sahaja dalam sistem pendidikan kita tetapi juga dalam sistem peperiksaan di negeri ini dalam semua peringkat secara berperingkat-peringkat.

Di samping itu segala surat-suratan rasmi seperti barang-barang dan lain-lain lagi termasuk buku-buku yang akan diterbitkan di negeri ini akan disesuaikan dari sistem ejaan lama kepada sistem ejaan baru, dan ini akan memakan masa sedikit iaitu mungkin setahun dua tapi yang penting sekali ialah memulakannya dari sekarang.

*Soalan: Apakah Brunei akan melaksanakan 'approach' yang sama dengan Malaysia dan Indonesia dalam penggunaan ejaan baru ini?*

Pepatah Melayu ada mengatakan 'Biar lambat asal selamat' dan 'sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit'. Jadi berasaskan pepatah ini Brunei nampaknya telah dapat mempelajari sebanyak mungkin kesilapan-kesilapan dan kesalahan-kesalahan dalam perlaksanaan ejaan baru di Malaysia dan Indonesia. Jadi pada asasnya kesilapan, kelemahan dan kesalahan-kesalahan itu akan kita ketepikan, akan kita usahakan supaya tidak berlaku di negara ini, dan pada asasnya kita amat bernasib baik sebab sistem ini telah berjalan sepuluh tahun yang lalu dan kita telah terdedah pada sistem ini sendiri. Jadi perlaksanaannya mungkin agak cepat ianya dilaksanakan dari negara Malaysia atau Indonesia kerana mereka melaksanakan dari peringkat permulaan, dan mereka tidak tahu apakah masalah-masalah yang timbul, dan jadi kita sekarang setelah mengetahui masalah yang merumitkan yang melambatkan perlaksanannya, jadi kita tidak mahu perkara itu berulang lagi di negara kita dan Insya Allah saya penuh merasa yakin sebagai seorang peminat bahasa, perkara ini akan dapat terlaksana dalam jangka masa yang pendek iaitu dalam setahun dua kita akan dapat melaksanakan dengan penuh sempurna, Insya Allah.

*Insya Allah pada penghujung tahun ini kita perlu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam semua perkara termasuklah juga soal-soal bahasa dengan negara-negara jiran tetangga dengan pemikiran negara kita Brunei Darussalam akan lebih dapat memberikan sumbangan di bidang pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu yang dicita-citakan untuk menjadikan bahasa lingua franka.....*

*Soalan: Apakah dalam persekitaran kehidupan kita orang-orang Brunei, sistem ejaan baru ini dapat diterima dengan begitu mudah tanpa memperhitungkan bahasa-bahasa yang lazim digunakan di Brunei iaitu Bahasa Brunei?*

Bercakap mengenai dengan ejaan kita, kita sepatutnya akur atau rujuk atau tunduk kepada keputusan ramai iaitu keputusan yang telah dibuat oleh pakar-pakar bahasa yang telah membisaikan lagi sistem ejaan lama yang telah disebabkan oleh pendita Zaba kepada sistem ejaan baru dipanggil sistem yang telah disempurnakan. Pada asasnya sistem ejaan baru ini adalah juga sistem ejaan lama tetapi ada beberapa perkara yang telah diubahsuaikan dan disempurnakan dan penyempurnaan inilah yang akan kita laksanakan bersama dengan negara-negara Malaysia dan Indonesia dan juga Singapura.

Berasaskan kepada simantik atau makna sesuatu perkataan, saya lebih cenderung untuk mengekalkan beberapa perkataan Brunei yang lebih dapat memenuhi makna sesuatu perkataan dengan pemikiran apabila kita menggunakan bahasa Brunei, kita akan dapat menimbulkan identiti kebangsaan kita supaya dengan cara demikian, meskipun kita ini satu bangsa Melayu, bangsa yang serumpun dengan bangsa-bangsa di Malaysia, Singapura dan Indonesia, tetapi kita juga adalah bangsa Melayu Brunei, jadi identiti kebangsaan kita sebagai orang-orang Brunei hendak-lah dikekalkan dalam sistem bahasa itu sendiri dengan memasukkan beberapa perkataan-perkataan Brunei yang juga akan diubahsuaikan sistem ejaan kepada sistem ejaan baru dengan syarat ianya tidak merosakan penyebutkan perkataan-perkataan berkenaan.

Jadi dalam hubungan ini saya berharap kepada semua pihak di negeri ini akan dapat mengambil perhatian dalam melaksanakan sama-sama keputusan yang bijaksana daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melaksanakan sistem ejaan baru di semua peringkat, di semua golongan dan seluruh negeri dalam segala bidang yang boleh kita fikirkan dan laksanakan bersama.

*Saya lebih cenderung untuk mengekalkan beberapa perkataan Brunei yang lebih dapat memenuhi sesuatu perkataan dengan pemikiran apabila kita menggunakan bahasa Brunei.....*



# DAILOG SEMASA MINGGU INI

DALAM negara yang membangun seperti negara kita, peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama, bagi mendaftar, mengasuh, membimbing syarikat-syarikat kerjasama amat penting sekali lebih-lebih lagi negara kita yang akan mencapai kemerdekaan. Dialog Semasa Minggu Ini membicarakan mengenai dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama Brunei. Rancangan ini akan disiarkan pada hari Sabtu 22hb Januari 1983 jam 1.45 petang dan ulangan hari Jumaat 28hb Januari 1983 pukul 4.00 petang.

Dalam gambar kiri kelihatan Dialog Semasa membicarakan sesuatu dengan Pesurohjaya Kerjasama Brunei, Awang Mahmud bin Haji Bakyr.

intisari RTB minggu ini

BAGI keluaran keempat Rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar awda akan bersama dengan Awang Ramlee Haji Raini yang beralamat di No. 86 Kampung Burong Pingai Air Brunei. Di antara lagu-lagu yang menjadi pilihannya ialah Setahun Sudah Berlalu Nyanyian Kumpulan Alleycats, Perpisahan dari Kumpulan Revolvers dan lain-lain.

Kepada awda yang ingin mengikuti jangan lupa siarannya ialah hari Isnin 24hb Januari 1983 jam 1.30 petang.

# SESAL KEMUDIAN TIDAK BERGUNA

—Tajuk Sandiwara Radio minggu ini



"SESAL KEMUDIAN TIDAK BERGUNA" adalah tajuk Sandiwara Radio Minggu Ini yang dihasilkan oleh ENA HAIRIZAN, Brunei.

Perkara yang diutarakan ialah tentang kisah kekeluargaan dan ketidak sefahaman seorang ibu mertua dan menantunya sendiri. Masalah ini berbangkit akibat dari perasaan dendam yang tiada hujungnya.

Perasaan benci watak ibu terhadap menantunya Rena tidak pernah pudar walaupun dalam keadaannya yang sudah tenat. Dalam pada itu Rena sekurang-kurangnya telah mencuba untuk berbaik-baik dengan cara memberikannya rawatan yang sewajarnya. Malangnya usaha baik Rena itu tetap tidak mendapat sambutan dari ibu mertuanya.

Kesabaran pasti ada batasnya. Kerana sudah terlalu kerap menerima cemuhan, akhirnya Rena tidak dapat lagi menahan perasaannya. Dia meminta kepada suminya Roslan untuk menghantar saja ibunya kerumah Hayati adik Roslan memandangkan hanya itulah usaha yang senang untuk diusahakan.

Hayati dan Rahman suaminya berhasrat untuk menghantar ibu mereka itu ke rumah sakit. Tapi ibu yang memiliki hati yang keras itu tidak pun mengambil indah akan hasrat mereka yang suci itu.

Selama dia menderita sakit dalam jagaan Hayati, Rena dan Roslan tidak pernah datang menjenguknya. Perasaan sakit hati yang Rena tanggu[ng] itu belum dapat dipada[m]kan lebih-lebih lagi bi[la] mengingat peristiwa la[ma] mereka. Sebenarnya i[bu] tidak suka Roslan berka[h]win dengan Rena kera[na] sudah mempunyai piliha[n]nya sendiri.

Hari berganti hari. Pe[]nyakit yang dialami ol[eh] ibu itu semakin lama [se]makin teruk. Bagaiman[a]kah akhirnya kedudu[kan] hubungan mereka seba[gai] keluarga? Akan semb[uh]kah semula penyakit ya[ng] dideritainya atau bag[ai]mana? Untuk mengetah[ui]nya para pendengar a[da]lah dipersilakan untuk m[e]ngikuti siarannya pa[da] 23hb. Januari, 1983, j[am] 10.30 pagi.

Penerbit bagi ranca[ng]an ini ialah Dk. Ras[] Pg. Hj. Kahar.

# Rancangan TVP dari 24hb hingga 30hb Januari, 1983

## ISNIN — 24HB JANUARI

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 2
(My Family)

Dalam rancangan kedua ini Jay Jay diajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'b' dan Izat menunjukkan gambar-gambar ahli keluarganya kepada Jay Jay dan Gani. Rancangan ini juga diisikan dengan lagu-lagu dan sebuah cerita.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 4
(Tumbuhan dan tugasnya)
Tumbuhan yang terdapat di permukaan bumi ini adalah sangat banyak. Kebanyakan daripada tumbuhan itu boleh kita bahagikan kepada dua sistem iaitu sistem akar dan sistem batang. Sistem akar dan sistem batang pula terdiri dari beberapa bahagian yang mempunyai tugas tersendiri.

a. Apakah bahagian-bahagian itu?

b. Apakah tugasnya?

Rancangan ini boleh memberi jawapan kepada soalan-soalan di atas. Untuk mengetahuinya jangan lupa untuk mengikuti rancangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 788.
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktibiti-aktibiti seperti BOLA TUMBUK, DI MANA TEMPATNYA, SI AMIN, MINUM, NAIK KUDA, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 788.

## SELASA — 25HB JANUARI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 2
(My Family)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4
(Tumbuhan dan tugasnya)

10.30 KAP KAP UDANG 789.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktibiti-aktibiti seperti MAIN KERUSI, KERJA TANGAN, MINUM, KATA SI MANIS, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 789.

## RABU — 26HB JANUARI

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 2
(My Family)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4
(Tumbuhan dan tugasnya)

10.30 KAP KAP UDANG 790.
Dalam rancangan hari ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktibiti-aktibiti seperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, LUKISAN DARI RUMAH, MINUM, BERSENAM, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.
Tajuk cerita Cigku Rokiah ialah TIGA EKOR BERUANG.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 790.

## KHAMIS — 27HB JANUARI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 791.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktibiti-aktibiti seperti KETUA KESELAMATAN, AMIN, MINUM, SI MANIS, BOLA TUMBUK, GAMBAR DARI RUMAH dan CERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 791.

## JUMAAT — 28HB JANUARI

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Rancangan hari ini dimuati de[ngan] aktibiti-aktibiti seperti IKUT KET[UA], YANG MANA GANJIL, AMIN, MAIN BAKUL, MAIN KERU[SI] dan CERMIN SAKTI.

## SABTU — 29HB JANUARI

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 792.
Dalam rancangan hari ini Cikgu R[o]kiah dan anak-anak akan mem[buat] aktibiti-aktibiti seperti MAIN BAK[UL], TUNJUK BENDA, MINUM, MA[IN] BOLA, BERCERITA dan CERM[IN] SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 792.

## AHAD — 30HB JANUARI

Rancangan kali ini dimuati de[ngan] aktibiti-aktibiti seperti BERSEN[AM], KERJA TANGAN, SI MANIS, BO[LA] TUMBUK, SIRI PERMULAAN [dan] CERMIN SAKTI.

# Sekitar lawatan PM Kanada dan rombongan

Liputan: Mohamad Salim, Timbang Bakar, Pg. Hidup, Manaf Haji Abdul Rahman, Shadoon Lamzi dan Muhaimin Hj. Mohammad

Gambar-gambar: Hj. Sharbini, Ak. Abu Bakar, Pg. Yaakub dan Ak. Bahar

## PM Kanada tiba

LAPANGANTERBANG Antarabangsa Brunei sekali lagi dijejaki oleh seorang tetamu kenamaan luar negeri. Tetamu yang membuat lawatan rasminya kali ini ialah Perdana Menteri Kanada, Yang Amat Berhormat Tuan Pierre Elliott Trudeau yang tiba di sini bersama dengan rombongannya petang hari Khamis lepas.

Ketibaan Yang Amat Berhormat itu telah dialu-alukan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah selaku wakil peribadi kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang kemudiannya bersama dengan YAB Perdana Menteri Kanada itu untuk menerima "tabik kehormatan" dan seterusnya mendengarkan lagu Kebangsaan kedua-dua negara.

Ini adalah merupakan lawatan yang julung-julung kalinya dibuat oleh Perdana Menteri Kanada itu ke sini.

Sebelum berangkat ke Istana Edinburgh di mana beliau menginap, Tuan Trudeau terlebih dahulu diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang turut mengalu-alukannya itu di lapanganterbang. Dan turut hadir sama ialah YAM Pengiran Speaker, TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, YAB Pemangku Menteri Besar dan YB Pemangku Setiausaha Kerajaan.

Termasuk di dalam rombongan YAB itu ialah anak lelaki beliau Sacha, pegawai-pegawai kanan negaranya serta para wartawan dari negara tersebut.



PEMBESAR-pembesar negara yang menunggu ketibaan YAB itu di Lapanganterbang Antarabangsa.



TUAN Trudeau diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan sebelum berangkat ke Istana Edinburgh.



KETUA Pegawai Protokol Diplomatik Pengiran Mustapha memperkenalkan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah kepada Tuan Trudeau sejurus selepas ketibaan YAB itu.



TUAN Trudeau ketika memeriksa barisan yang dianggotai oleh anggota Battalion Kedua AMDB.

# Gambar-gam

Lipu



PERJUMPAAN YAB Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bersama dengan YAB Tuan Trudeau serta salah seorang pegawai kanan rombongannya.



RICHAR
dalam S
Jumaat lu

TUAN Trudeau besera



YAB Tuan Trudeau kelihatan menurunkan tandatangan ke dalam buku lawatan ketika berkunjung ke bangunan Masjid Omar Ali Saifuddin.

## Perjumpaan dengan YAB. Pmk Menteri Besar dan lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin

PADA 13 dan 14 haribulan Januari hari-hari yang agak sibuk di ibu kota dengan acara-acara lawatan rasmi Perdana Menteri Kanada Yang Amat Berhormat Tuan Pierre Trudeau ke sini.

Antara aturcara lawatan YAB itu ialah kunjungan muhibbah kepada YAB Pemangku Menteri Besar Brunei Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz di pejabat YAB itu pada petang Khamis lepas. Dalam kunjungan tersebut kedua-dua YAB itu telah mengadakan beberapa perbincangan sambil bertukar-tukar fikiran.

Selepas kunjungan ke pejabat YAB Pemangku Menteri Besar, YAB Tuan Pierre Trudeau dan rombongan dengan diiringi oleh YAB Pemangku Menteri Besar telah mengadakan lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin di sini. Ketibaan YAB di perkarangan masjid itu telah dialu-alukan oleh Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama serta pegawai-pegawai kanan jabatan tersebut.



TUAN Trudeau dan rombongan serta beberapa orang wartawan ketika menaiki perahu singkat ke Kampung Ayer sebaik-baik saja lawatan ke Masjid Omar Ali Saifuddin.



MENJENGUK sesuatu di perkarangan bangunan masjid ketika hendak mengadakan lawatan ke masjid berkenaan.



MENJENGUK sesuatu yang indah di bahagian dalam

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PEHAK Radio Talivisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.



RICHARD Romanus sebagai Charlie Gunzer dalam STRIKE FORCE — "Fallen Angel" Jumaat lusa.

## HARI RABU 19HB JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GREAT SPACE COASTER
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 OUR INCREDIBLE WORLD: (Episod terakhir)

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CASSIE AND COMPANY: "Gorry's Army" (Episod terakhir)
7.44 AZAN ISHA
7.49 CASSIE AND COMPANY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 PRIVATE BENJAMIN: "A Bath For Benjamin" Pvt. Benjamin takut di ketahui setelah menggunakan bathtub baru kepunyaan Captain Lewis.
9.35 MAGNUM: "One More Summer" Magnum terpaksa mengikuti latihan football (Amerika) sebagai satu usaha melindungi kawan baiknya yang berperasaan menjadi sasaran pembunuhan.
10.25 TAYANGAN GAMBAR: "Invasion From Inner Earth" (Scifi/Drama) Lima orang saintis bertugas di pendalaman Kanada mendapati manusia mati dengan tidak tentu sebabnya. Perhubungan radio mereka memaklumkan banyak kematian di beberapa buah bandar-bandar besar. Apakah punca misteri itu semuanya? Pelakun-pelakun: Nick Holt, Paul Bentzen, Debbi Pick dan lain-lain.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 20HB JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 WORLD OF SURVIVAL: "Fastest Thing On Four Legs"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI: "The Night Visitor" Petrocelli ditangkap atas tuduhan membunuh. Maggie dijadikan tebusan. Orang yang menyampaikan sekeping sarung surat kepada Tony telah dibunuh manakala intan berlian berharga satu juta ringgit telah lesap.
7.44 AZAN ISHA
7.49 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 ROAD TO WEMBLEY
10.35 BOSOM BUDDIES: "All You Need Is Love" Frust dengan tidak mempunyai temanita untuk sekian waktu, Henry menggunakan video dating service untuk mencari pasangannya.
11.05 BELLAMY (Siri baru)
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 21HB JANUARI

**TENGAHARI**

12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
1.30 APA NYA KITANI (Ulangan)

**PETANG**

2.15 HAPPY GO ROUND
3.00 HEATHCLIFF AND DINGBAT
3.30 WILD LIFE ON ONE:
3.58 AZAN ASAR
4.02 THESE ARE THE DAYS
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 MANAGEMENT "Super Wacs"
5.35 LAVERNE AND SHIRLEY:
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 SECRET VALLEY: "The Runaway"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 EIGHT IS ENOUGH: "Yet Another Seven Days In February"
7.46 AZAN ISHA
7.51 EIGHT IS ENOUGH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SEKALUNG SENI
9.05 KNOTS LANDING: "Night"
9.55 TERRY AND JUNE
10.25 ON THE MAT
10.55 STRIKE FORCE: "Fallen Angel"
11.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 22HB JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FANTASTIC FOUR
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 WORLD OF BIRDS: Look Again At Gulls

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BARBERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS
7.46 AZAN ISHA
7.51 BARBERA MANDRELL AND MANDRELL SISTERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK
9.35 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Dosa Siapa"
10.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Sweet Bird of Youth" (Drama) Untuk mencapai cita-citanya seorang lelaki telah menggunakan berbagai helah kegiatan termasuk seorang bekas pelakun wanita, alkohol, narkotik dan sex. Pelakun-pelakun: Paul Newman, Geraldine Page, Shirley Knight, Td Begley, Riptorn dan lain-lain.
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 23HB JANUARI

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION "The Revolting Development"
2.45 THE NEW POPEYE SHOW
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.58 AZAN ASAR
4.02 BIG LEAGUE SOCCER — sambongan
4.05 PLASTIC MAN
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 MEDICAL REPORT
5.10 ON SAFARI
5.40 TARGET THE IMPOSSIBLE: "To Feed The Hungry of The Earth" Mahukah kita membuat pengakuan untuk menghentikan kebuluran?
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE BRADY KIDS: "Marcia's Lid" (Episod terakhir)
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 ANGIE: "Angie And Joyce To Jail" Angie dan Joyce dipenjarakan kerana sesuatu kesalahan yang tidak senghaja.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.46 AZAN ISHA
7.51 THE LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 APANYA KITANI
9.05 MIND YOUR LANGUAGE
9.35 ASIA TODAY: "South Korea"
10.30 WILD TIMES (Episod terakhir)
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 24HB JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BALDMONEY, SNEEZEWORT, DODDER AND CLOUDBERRY: "The Storm"
5.15 SUPERFRIENDS: "Dr. Pelagins War"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATTHEW STAR
7.46 AZAN ISHA
7.51 THE POWERS OF MATTHEW STAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 INSIDE THE THIRD REICH (Siri baru)
10.05 THE BODY IN QUESTION: "Heads And Tails"
10.55 SOAP
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 25HB JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 LEGEND OF ROBINHOOD
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION: "Little Ida's Flowers"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE UNDERSEA WORLD: "The Fish that Swallow Jonah"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.44 THE UNDERSEA WORLD — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "Ready, Aim . . . . . Die"
7.46 AZAN ISHA
7.51 THE FALL GUY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SOKAN
9.20 DYNASTY
10.20 TAYANGAN GAMBAR: "Brian's Song" (Drama) Dari kisah benar mengenai persahabatan dua orang pemain football Amerika yang berakhir dengan kematian seorang daripadanya disebabkan serangan penyakit cancer. Pelakun-pelakun: James Caan, Jack Warden, Billy De Williams, Bud Fullo, dan lain-lain.
11.55 SIARAN TAMAT.



"THE Fastest Thing In Four Legs" — dari siri WORLD OF SURVIVAL — Khamis esok.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

PAGI:

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengahari (Mempersembahkan lagu stereo) |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

PETANG

| | |
|---|---|
| 6.00 | Siri Mukaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsong menunaikan sembah-yang Fardu Maghrib. |

MALAM

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Do'a Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita2 d dan luar ne |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengahari | |
| 1.30 tengahari | (tiap-tiap Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 d Bahasa D dan Iban) |
| 9.30 malam | Berita Dun BBC Lond |

**Menyiarkan AZAN:**
Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## HARI RABU 19HB JANUARI

**PAGI:** 7.15 — Sudut Pelita, 7.50 — Hikmat Radio, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Irni Yusnita.
**T/HARI:** 12.20 — Mutiara Titah, 1.30 — Hiburan Paduan Suara.
**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Kelasa Indera siri ke-4), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00—Belia Mewakili Zamannya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS 20HB JANUARI

**PAGI:** 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adek-adek (SU), 11.00 — Permaintaan Sukaramai.
**T/HARI:** 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 — Puspasari/Keroncong.
**PETANG:** 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang 3.30 — Majalah Ugama/Soal Jawab Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.45 — Senandung Budaya, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagi Asli.

## HARI JUMAAT 21HB JANUARI

PAGI: 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00—Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).
**T/HARI:** 12.00 — Lagu-Lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-Lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental Melayu.
**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Pusparama, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dailog Semasa (SU), 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Kutbah Jumaat, 5.15 — Senandung Lagu-Lagu Lama, 5.45 — Sayu Dan Merdu, 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU),
**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Ugama/Majalah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU 22HB JANUARI

**PAGI:** 8.30 — Pelajaran Demasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampai Sari, 11.30 — Hiburan Untuk Adek-adek.
**T/HARI:** 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 — Lagu-Lagu Dari Filem 1.45 — Dailog Semasa,
**PETANG:** 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.15 — Selingan, 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Brunei Dalam Sejarah, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

## HARI AHAD 23HB JANUARI

**PAGI:** 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00—Taman Mekar, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanah Air, 11.30 — Berbalas Pantun.
**T/HARI:** 12.00 — Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu,
**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45—Hiburan Senja, 6.15—Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Seni Dan Sastera, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-Lagu Lama).

## HARI ISNIN 24HB JANUARI

**PAGI:** 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan Ku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.
**T/HARI:** Mutiara Titah, 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.
**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama (SU), 6.15 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Sa Perusahaan, 9.00 — Lagu-Lagu Ker 9.45 — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELASA 25HB JANUARI

**PAGI:** 8.30 — Suara Perajurit (SU), Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan dengar 10.15 — Lagu-lagu Berirama Da 10.30 — Rampaian London, 10.45 — La Permintaan Kaum Wanita, 11.15—Dan baran Awda, 11.30 — Senandung Seloka
**T/HARI:** 12.15 — Mutiara Titah, Senandung Pujaan Lama (SU).
**PETANG:** 2.00 — Ku Sampaikan 3.15 — Gema Silam, 3.30 — Usaha 4.30 — Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia tiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Senja, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.
**MALAM:** 7.00 — Ruangan Ketani 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Ma Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanahair (SU), 9.45— dung Malam.-

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00-9.30 Classical music night With Rory Higgins

### Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Light of the World — Side 1
9.30 Country Club — 23.

### Fridays/Holidays

A.M.

11.00 A Feature: Travelling Hopefully, "The Joyous Wheel"
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 Yesterday Once More

P.M.

12.45 Neil Richardson Presents — 2/12.
1.45 Book Club: Turtle Diary by Rusell Hoben — 7/10.

P.M.

8.00 The World of Books.
8.45 International Money Programme.
9.00 Perspective
9.30 Jim Reeves and His Music 2/15/(2nd Half).

### Saturday

P.M.

8.00 Melody Time.
8.45 Animal, Vegetable or Mineral — 20/30.
9.30 Top of The Pops — 945

### Sunday

A.M.

11.00 Practical World
11.15 Profile: Eric Clapton.
11.45 London This Week

NOON

12.00 Animal, Vegetable or Mineral 20 (repeat).

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 945. (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Do You Know . . . ? (Science Made Easy) "The Sun"
8.15 Beautiful Music — 7/48.
8.30 English Examined
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: The Hornblower Story: 'Lieutenant Horn-Blower "Home and Beauty" by C.S. Forester adapted for radio by Gielgud — 5/15.

### Monday

P.M.

8.00 Profile: Eric Clapton.
8.45 Up The Belait River Without A Paddle — 79 with guest this week's H. Hayward Surry.
9.30 All That Jazz — 29.

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 24

### Daily

A.M.

6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's Am
7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fridays and Sundays
12.30 News and weather report — and tide table and Today In History of Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newsreel (except Sundays)
9.15 News

# ekitar lawatan PM Kanada dan rombongan

m, Timbang Bakar, Pg. Hidup, Manaf Haji Abdul Rahman, zi dan Muhaimin Hj. Mohammad

Gambar-gambar: Hj. Sharbini, Ak. Abu Bakar Pg. Yaakub dan Ak. Bahar



...nnya diraikan ketika membuat lawatan ke rumah Penghulu Mukim Burung Pingai, Pengarah Haji Othman yang juga di sertai oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan.



...k mengadakan lawatan

## Melawat Kampong Ayer

SUNGGOHPUN agak singkat waktunya, tapi lawatan rasmi yang di lakukan oleh Perdana Menteri Kanada itu tidak selasai begitu sahaja.

Dua jam sebelum berangkat pulang, Tuan Pierre Trudeau dan rombongan akan merasa lawatan itu belum sempurna kalau belum mengadakan tinjauan ke Kampong Ayer yang menjadi lambangan keindahan semula jadi negeri ini.

Dengan menaiki kapal Muara, Tuan Trudeau telah ditemani oleh Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Setelah melintasi beratus-ratus buah rumah di perkampungan itu kapal yang membawa beliau bersama YAB serta wartawan2 luar tersebut sempat merakit ke rumah Pengarah Haji Othman di Kampung Burung Pingai.

Tuan Trudeau dan rombongan telah disambut oleh Penghulu, Ketua-ketua Kampung dan anak-anak kampung berkenaan di-samping pukulan hadrah dan persembahan guling tangan dan pencak silat.

Setelah berbual mesra dengan pegawai-pegawai kanan yang mengiringi beliau yang antaranya termasuk Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Haji Abdullah bin Mohd. Jaafar, Tuan Trudeau di bawa menyaksikan perusahaan menenun kain iaitu salah satu kegiatan tradisi yang terdapat di mukim itu.

Beliau juga telah berkesempatan melawat Sekolah Rendah Dato Ahmad yang terletak di Kampong Burong Pingai.

Sebelum balik ke Dermaga Kastam Diraja, Perdana Menteri Kanada itu telah dihadiahkan dengan sehelai kain 'Jong Sarat' oleh Penghulu Kampung manakala anaknya 'Sacha' pula dihadiahkan dengan Tudung Dulang.



**MENGUCAPKAN** terima kasih kepada tuan rumah yang telah menghadiahkan sehelai kain Jong Sarat.



...mar Ali Saifuddin.



**BESERTA YAB** Pemangku Menteri Besar, beliau dan rombongan dibawa bersiar-siar sekitar kampung berkenaan melalui kemudahan jambatan yang disediakan.

# Sekitar lawatan PM Kanada dan rombongan

Liputan: Mohamad Salim, Timbang Bakar, Pg. Hidup, Manaf Haji Abdul Rahman, Shadoon Lamzi dan Muhaimin Hj. Mohammad

Gambar-gambar: Hj. Sharbini, Ak. Abu Bakar, Pg. Yaakub dan Ak. Bahar

## Majlis meraikan di Dewan Persantapan Lapau

SATU majlis jamuan telah diadakan di Dewan Persantapan Lapau di sini sempena meraikan lawatan YAB Perdana Menteri Kanada Tuan Pierre Trudeau. Jamuan tersebut telah diberikan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Bagi memeriahkan lagi majlis pada malam itu tarian-tarian kebudayaan telah dipersembahkan oleh penari-penari kebudayaan dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Sepanjang majlis itu pasukan pancaragam Pulis Diraja Brunei memainkan beberapa buah lagu-lagu instrumental.

Hadir pada malam itu ialah TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Awang Arthur Watson, YTB Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Speaker Majlis Masyuarat Negeri, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, YAM Pengiran-Pengiran Ceteria, pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan ketua-ketua Jabatan.



YAB Perdana Menteri Kanada, Tuan Pierre Trudeau ketika berbual mesra dengan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di majlis jamuan pada malam itu.



PEGAWAI-pegawai Kanan Kerajaan dan ketua-ketua jabatan yang menghadiri majlis jamuan pada malam itu.

## Berlepa[s] pulang

SETELAH bera[da] Brunei dalam la[watan] singkat 24 jam, YAB [Per]dana Menteri Ka[nada] Tuan Pierre Trudea[u] berlepas pulang pa[da] Jumaat, 14hb. Ja[nuari] lepas.

Kepulangan [Tuan] Trudeau telah diu[capkan] selamat belayar oleh Paduka Seri Duli Pe[ngiran] Perdana Wazir S[ahibul] Himmah Wal-W[aqar] Pengiran Muda Moh[amed] Bolkiah.

Pembesar-pemb[esar] negara yang lain turut hadir term[asuk] TYT Pesuruhjaya T[inggi] British, YTB Pen[asihat] Umum Kebawah D[uli] YAB Pemangku Me[nteri] Besar, YB Pema[ngku] Setiausaha Keraj[aan], YAM Pengiran-Pen[giran] Ceteria dan Ketua-[ketua] jabatan serta peg[awai-] pegawai kanan Keraj[aan].

Tuan Trudeau [ber]berkesempatan [ber]salaman de[ngan] Pembesar-Pemb[esar] negara sebelum me[naiki] pentas melalui hamp[aran] permaidani merah de[ngan] diiringi oleh YTM P[aduka] Seri Duli Pengiran [Per]dana Wazir [...] menerima tabek ke[hor]matan.

Tuan Trudeau seb[elum] menaiki pesawat te[ntera] Angkatan Tentera Udara K[anada] juga telah diberi pengh[ormatan] untuk memereksa barisan [kehor]matan dari Pasukan B[atalion] Kedua AMDB dan P[asukan] Panji-panji Diraja.

Persinggahan Tuan Tr[udeau] ke Brunei adalah dalam [rangka] lawatan ke negara-ne[gara] ASEAN dan Jepun. Sebelu[m] beliau telah membuat kun[jungan] ke Thailand, Singa[pura,] Malaysia, Indonesia sebelu[m] Filipina dan menam[atkan] lawatan ke Jepun.



PENARI-penari Kebudayaan Dewan Bahasa dan Pustaka ketika mempersembahkan sebuah 'Tarian Semalindang' sempena meraikan Perdana Menteri Kanada di majlis jamuan di Dewan Persantapan Lapau.



TUAN Trudeau dengan diiringi oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir bersalaman dengan YAM Pengiran Ma[...] Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yussof, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara sejurus sebelum berlepas pulang.



Datin Edah dan lain-lain ahli BISTARI ketika mengadakan lawatan ke Wad Kanak-kanak.

## Lawatan ahli2 BISTARI ke Rumah Sakit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai kira-kira 21 orang ahli Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai Kerajaan negeri ini, rengkasnya BISTARI telah mengadakan lawatan ke Rumah Sakit Umum di sini pada petang hari Rabu lepas.

Rombongan tersebut telah diketuai oleh Yang Dipertua Persatuan itu, Datin Edah bte Haji Mohd Noor, isteri YB Pmk. Setiausaha Kerajaan Brunei.

Ketibaan rombongan tersebut telah dialu-alukan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan YB Dato Paduka Dr Hj Johar dan beberapa orang pegawai-pegawai kanan Jabatan itu. Seterusnya rombongan pelawat itu telah diberikan taklimat oleh Pegawai Perubatan Daerah, Dato Setia Dr. I.G. Singh. Yang Dipertua BISTARI telah juga menyampaikan ucapan.

Di Wad Kanak-kanak, anggota-anggota BISTARI telah berkesempatan menyaksikan berbagai-bagai kegiatan di Kelinik Kanak-kanak di samping menyumbangkan berjenis-jenis hadiah kapada pesakit-pesakit di Wad itu. — ZHS.

## TOL YANG TIDAK DIMAJUKAN AKAN DIBATALKAN

TUTONG. — Pegawai Tanah Tutong, memaklumkan kepada orang ramai yang ingin menyambung tanah-tanah TOL mereka di daerah itu supaya terus membayar cukai tahunan tanpa membuat surat permohonan seperti yang dilakukan sebelumnya.

Sesiapa yang telah membuat surat permohonan dan telah menghantar surat tersebut, Pegawai Tanah Tutong daerah itu menasihatkan supaya datang ke Pejabat Tanah Tutong bagi menjelaskan cukai itu, dengan membawa bersama lesen atau pun salinan kebenaran TOL tahun lepas.

Perubahan ini berlaku adalah bertujuan untuk meringankan dan melicinkan lagi kerja-kerja di Pejabat Tanah Tutong.

Di samping itu Pegawai Tanah, Tutong, Awg. Alias bin Dato Matnor juga telah menasihatkan kepada orang ramai supaya mengusahakan tanah-tanah TOL mereka masing-masing dengan memuaskan, kerana menurut Awg. Alias, pada satu ketika nanti apabila tanah-tanah Kerajaan untuk di TOL tidak ada kosong maka Pejabat Tanah akan membatalkan TOL-TOL yang tidak dimajukan dan seterusnya akan diberikan kepada orang yang benar-benar bermaksud untuk memajukannya.

# BENGKEL BIMBINGAN PENULISAN KREATIF

BANDAR SERI BEGAWAN — Permohonan-permohonan boleh diterima mulai sekarang untuk mengikuti Bengkel Bimbingan Penulisan Kreatif yang dianjurkan oleh Unit Kegiatan, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka di sini.

Jurucakap penganjur bengkel tersebut ketika memberitahu Pelita Brunei minggu ini berkata, bengkel tersebut diadakan antara lain bertujuan untuk membimbing penulis-penulis muda dalam berkarya, meningkatkan daya kreatif dan memperbanyak karya sastera yang bermutu.

Katanya, penulis-penulis muda yang sudah menunjukkan bakat juga penulis-penulis melalui karyanya yang sudah di hasilkan atau masih tersimpan baik telah disiarkan dalam majalah, akhbar atau radio adalah dialu-alukan untuk menyertai bengkel tersebut.

Adalah difahamkan bengkel tersebut akan di adakan selama dua jam pada tiap-tiap hari Jumaat dan Ahad dan lamanya bergantung kepada jumlah kuliah serta masa amali yang akan dijalankan.

Bengkel pertama akan diadakan di Bandar Seri Begawan sementara di daerah-daerah bengkel akan dijalankan bergantung kepada kedudukan dan jumlah peserta yang mendaftar di daerah masing-masing.

Bengkel di tiap-tiap daerah akan dikelolakan dengan kerjasama Bahagian Perpustakaan Cawangan DBP.

Memandangkan bengkel tersebut akan dijalankan secara intensif, adalah dijangkakan jumlah peserta yang akan diterima menyertainya akan dibahagi-bahagikan menurut daerah masing-masing iaitu 15 orang bagi Daerah Brunei dan Muara dan 10 orang bagi tiap-tiap daerah yang lain.

Bagaimanapun pemohon-pemohon yang dianggap layak, tetapi tidak terpilih akan diberi kesempatan untuk mengikuti bengkel ini pada kali yang akan datang dalam bidang yang sama dan namanya akan dicatit sebagai peserta di dalam 'daftar menunggu'.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Unit Kegiatan, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera, Tingkat 3, Bangunan DBP ibunegeri serta dari pejabat-pejabat Perpustakaan Cawangan DBP daerah masing-masing. Semua borang hendaklah diserahkan kembali tidak lewat pada hari Selasa, 1hb. Februari depan, di pejabat-pejabat berkenaan.

## Jangan hantar wakil ambil surat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pos Agong meminta kerjasama orang ramai jangan menuntut atau menghantar wakil, bagi mengambil surat-surat mereka yang dialamatkan kepada kampung-kampung atau pejabat-pejabat dari meja-meja kaunter di semua Pejabat Pos di negeri ini, demi untok mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini.

Menurut Ketua Pos Agong, adalah tanggungjawab dan kewajipan Posmen-Posmen Jabatan itu bagi menyampaikan surat-surat ketempat-tempat yang dialamatkan.

Walau bagaimana pun sekiranya terdapat orang ramai atau seseorang pegawai yang ingin mengambil surat mereka dari mana-mana Pejabat Pos, maka permintaan atau perlantikan bagi wakil pengutip hendaklah dibuat secara bertulis ke Pejabat-Pejabat Pos.

Selain dari itu, Jabtan Pos juga memaklumkan kepada orang ramai bahawa Had Insuran bagi pengiriman surat-surat udara dan laut dan berinsuran antara Brunei dan Taiwan akan dinaikkan daripada 500 GF kepada 1,000 GF iaitu kira-kira B$750.00, mulai dari 1hb. Januari tahun ini.

Sementara lain-lain peraturan berhubung dengan perkhidmatan insuran tidak berubah dan pengiriman surat-surat yang berinsuran melalui Singapura boleh diteruskan seperti biasa.

## Hadiri sidang di Bangkok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Juru Ukur Agung, Awang Yunos bin Mohd Noh kini berada di Bangkok untok menghadziri persidangan ke 10 UN Regional Cartographic bagi Asia dan Pasifik. Persidangan selama 12 hari itu akan berakhir pada 29hb Januari ini.

Brunei juga telah menghantar wakilnya ke persidangan tersebut yang diadakan di New Zealand dalam tahun 1980.

## Peti Surat kecil untuk dijual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebagai langkah menyempurnakan lagi perkhidmatan kepada orang ramai, terutama sekali mengenai penyerahan surat-surat, Jabatan Perhidmatan Pos kini sedang menyediakan peti Surat Kecil untuk dijual kepada orang persendirian, Jabatan-jabatan Kerajaan, Sharikat Swasta dan lain-lain.

Perhidmatan ini diadakan adalah bertujuan bagi faedah kemudahan penyerahan surat-surat yang dialamatkan kerumah-rumah, rumah-rumah pangsa, sekolah-sekolah dan sebagainya terutama sekali apabila penghuninya yang selalu saja didapati tidak ada semasa penyerahan dilakukan oleh posmen.

Maka dengan adanya peti surat itu nanti, akan membolehkan posmen-posmen melaksanakan tugas-tugas mereka dengan lancar pada bila-bila masa.

## Pendaftaran Kelas Dewasa

TUTONG. — Pendaftaran kini sedang dibuka bagi mengikuti Kelas Dewasa Tingkatan III, IV, dan V aliran Inggeris di Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.

Mereka yang berminat untuk mengikuti kelas tersebut bolehlah mendapatkan borang pendaftaran melalui Penyelia Pelajaran Dewasa Sekolah tersebut, Awg Mohd Azman bin abdullah pada tiap-tiap hari persekolahan dibuka pada jam 8.00 pagi hingga 12.15 tengahari.

Tarikh tutup bagi menerima permohonan ialah 30hb. Januari 1983, kecuali bagi Kelas Tingkatan V ditutup pada pertengahan bulan Mach 1983.



Gambar ramai sempena majlis dailog di antara Ahli-Ahli Jawatankuasa Meneliti Masalah Pelajaran dengan wakil-wakil Jawatankuasa Sekolah-Sekolah Menengah dan Rendah di daerah Tutong yang telah di adakan di Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah Tutong pada 19hb. Disember tahun lepas.

## SUKAN PELITA

Kelolaan : Manaf Rahman

# Menjelang Kejohanan Polo Antarabangsa Brunei kali ke-6

SEKALI lagi Brunei akan menjadi tumpuan peminat-peminat sukan polo bila kejohanan polo antarabangsa kali ke-6 bermula bulan depan.

Tidak dapat disangkal minat "demam polo" telah menghinggapi sebahagian lapisan masyarakat penduduk dan rakyat di negeri ini hingga susah hendak mencari ubat yang mujarab bagi mengubati kemalaratan dan seriusnya "demam" demikian.

Setiap tahun bila kejohanan ini berlangsong beribu rakyat akan membanjiri padang polo untok menyaksikan kerancakannya. Apa yang ada pada sukan ini sehingga menarek minat peminat-peminat sukan yang lain?

Faktor yang utama yang menyeret mereka ialah untok menyaksikan sendiri ketangkasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, yang benar-benar berjiwa sukan sehingga digalati dan diiktiraf sebagai pemain polo yang bertaraf antarabangsa.

Sejak di perkenalkan pada tahun 1976, perkembangan sukan ini tidak dapat dibendung dan telah dapat menarek minat pasukan-pasukan polo luar negeri dan dengan masa hanya dua tahun kemudian (1978), Brunei telah dapat mengendalikan kejohanan polo antarabangsa yang pertama.

Meskipun baru bertapak, tapi sejak kejohanan antarabangsa diadakan, Pasukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah dapat memonopoli kejuaraan dan sekali gus memberikan kesimpulan betapa meningkatnya perkembangan polo di negeri ini.

Polo bukan seperti jenis sukan yang lain. Ianya memerlukan ketangkasan dalam semua aspek. Bukan senang untok menghayati sukan ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia yang begitu dikagumi ketangkasannya oleh peminat-peminat tempatan dan luar negeri.

# DEMAM POLO HINGGAPI MASYARAKAT



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah pemain yang diiktiraf bertaraf antarabangsa dan dianggap pintar dan berkebolehan dalam membuat jaringan-jaringan yang cantik.

Jika dilihat dari luar ternyata ia merupakan sejenis permainan yang senang dengan hanya memukol bola dari atas kuda. Tetapi jika seseorang pemain polo tidak mempunyai skil yang tinggi dan potensi permainan yang sewajarnya tentu akan terasa betapa sukarnya memukul bola kayu dengan sebatang buloh yang panjangnya lima kaki sedang dalam menunggang kuda yang berlari dan kadang kala berpusing dengan kencang.

Ketangkasan pemain polo bukan hanya terletak pada kepintarannya mengawal kuda malahan harus mempunyai kecerdasan berfikir ketika memukul bola atau melarikan diri dari kawalan.

Thomas Hitchcock Jr. pernah berkata; "Cubalah seberapa yang boleh ketika bermain. Jangan menyerah walau sesaat sehingga pengadil meniup wisel penamat. Tumpukan mata anda pada bola. Jangan dikelecek. Hayun sekuat hati anda jika ada peluang mendapat bola. Pemain yang mendapat bola harus melarikannya sederas yang mungkin."

Dalam permainan polo, bukan hanya setakat menunggang kuda, mengejar bola, memukolnya malah seseorang itu dalam satu masa terpaksa mengawal kudanya, mengawasi bola, memukulnya, melarikan diri dari lawan, membaca kedudukan kawan dan seterusnya mengawal diri dari tungganganya.

Setiap pasukan polo akan mengandongi empat orang pemain dalam satu-satu perlawanan. Biasanya pemain yang memakai jersi nombor 1 adalah pemain yang mengetuai serangan hadapan.

Jersi nombor 2 akan membantu nombor 1 untuk menerima bola dari kawan, membantu serangan dan jika berpeluang akan mendapatkan gol.

Nombor 3 selalunya bertindak sebagai ketua pasukan dan menjadi 'master mind' dalam satu-satu perlawanan. Dialah yang bertanggungjawab mengatur corak permainan dan mengatur serangan dan kadangkala membantu pertahanan pasukannya.

Pemain yang berjersi nombor 4 bermain sebagai fullback dan juga penjaga gol dan kadang-kadang membantu serangan dan pemain ini adalah pemain yang bergerak paling aktif.

Permainan polo pula akan dimainkan dalam enam caka. Setiap satu caka akan berlangsung selama tujuh minit hingga tujoh minit setengah. Luas padang permainan adalah dengan keluasan 300 × 160 ela persegi.



DALAM perebutan seperti ini kecerdasan fikiran dikehendaki ketika merebut bola diatas kuda dan melarikannya.



BUKAN senang untok memukul bola ketika kuda berlari kencang. Salah langkah diri yang terhumban dari tunggangan.



MEMECUT kuda, memukul bola dan bersaing menewaskan lawan adalah kerancakan yang terdapat dalam sukan ini.

# Siri Piala Malaysia '83

## SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman
Gambar-gambar:
Ak. Abu Bakar

## Ingin lupakan kekalahan di tangan Melaka sebaliknya terima habuan dari Brunei pula

# SARAWAK TEWAS 3 — 0

SARAWAK yang ingin melupakan kekalahannya di tangan Melaka dalam perlawanan pertamanya minggu lalu mempunyai dua matlamat sebelum bertemu Brunei. Pertama ingin memperoleh dua mata penoh dan kedua menebus kekalahan ketika bertemu dalam kejohanan Piala Borneo.

Tapi impian tinggi mengawan, sebaliknya mereka menjadi mangsa kedua menerima habuan dari Brunei pula yang berjaya mengekalkan rekod tanpa kalah bermain di tempat sendiri dan menghadiahkan tiga gol cenderamata kepada tetamu mereka.

Sarawak gagal memberi tekanan dan hanya mampu bertahan hasil serangan yang bertubi-tubi. Keadaan kucar-kacir pertahanan Sarawak yang dikemudikan oleh Morshidi Awet membolehkan Brunei memperoleh gol pertama di minit ke-29.

Majidi Ghani yang menerima hantaran dari Ahmad Metarsad hasil gerakan dari Zainuddin Kassim terus merembat menggegarkan jaring gawang Sarawak.

Meskipun bermain dalam keadaan kesakitan dari kakinya yang cedera tapi Majidi terus menembakkan gol keduanya enam minit kemudian setelah berjaya mengelecek beberapa pemain pertahanan Sarawak untuk menjadikan jaringan 2-0.

Sarawak lebih bermain dengan baik di separuh masa kedua dengan melancarkan beberapa serangan merbahaya dengan mengawal corak permainan Brunei.

Terkeluarnya Jaafar Sulong akibat cedera dan kesakitan Majidi yang semakin bertambah mengakibatkan serangan hadapan semakin tumpul.

Zainuddin, Shari dan Ahmad tiga rangkaian midfield terpaksa naik keatas membantu serangan dan taktik ini memberi kesan dengan serangan-serangan yang padu.

Serangan tersebut kembali melumpuhkan pertahanan Sarawak yang kerapkali tertekan dan ini membawa padah bila pemain pertahanan, Isa Raja yang menggantikan Rosli Yaakup menghantar bola perlahan kepada penjaga gol, Effandi Jol tapi dapat disambar dengan pantas oleh Zainuddin yang terus merembat untok gol ketiga Brunei.



MESKI pun peha berbalut, Majidi maseh dapat bermain dengan cemerlang dengan menjaringkan dua gol Brunei.

## Bulu tangkis Real Pena

KELAB Bolasepak Real Pena, Penanjung Tutong akan menganjurkan satu kejohanan bulutangkis terbuka dalam bahagian perseorangan dan bergu pada satu tarikh yang akan diumumkan kelak.

Pengerusi kelab tersebut Awang Morni Ismail menjelaskan, kejohanan tersebut adalah terbuka bagi penduduk-penduduk Kampung Penanjung dan penduduk-penduduk Daerah Tutong amnya dan ianya akan diadakan di Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong.

Borang-borang penyertaan, menurutnya kini boleh di perolehi daripada Awang Ahmad Haji Bakir, Pejabat Pos Tutong; Awang Junit bin Mohammad, Kampung Penanjung dan Awang Sanibahar Haji Bakar di alamat yang sama dan ianya mestilah dikembalikan sebelum 25hb. Januari depan.

## Abstekal juara bolasepak PERKASA

PASUKAN Abstekal dari Kg. Lumapas telah berjaya menyandang juara kejohanan bolasepak bagi pendudok di sekitar Kampung Ayer kali ke-3 yang di-anjurkan oleh Persatuan Kampung Saba (PERKASA)

Pasukan tersebut telah menewaskan pasukan Lurong Sikuna 'B' dengan jaringan dua gol kosong dalam perlawanan akhir yang telah berlangsung di Padang SMJA pada 9hb. Januari lepas.

Sementara pasukan Remaja Sungai Kebun dan Commando + 10 United berkongsi untok menduduki tempat ketiga.

Johan telah menerima piala sumbangan dari Awang Haji Sulaiman bin Haji Jalil dan hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Pg. Tajuddin bin Pg. Ahmad.

Kejohanan yang menjadi projek tahunan persatuan itu adalah bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-36 tahun.



ALI Haji Ismail maseh dapat mengekalkan gawang-nya dari sebarang gol seperti yang kelihatan dalam gambar mematahkan salah satu serangan Sarawak.



SATU, dua pemain pertahanan Sarawak rebah dalam usaha mengekang gerakan solo Majidi bagi jaringan kedua Brunei.

## Liga Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Belait

# JABATAN LETRIK JUARA

MAJIDI Ghani, penyerang kebangsaan Brunei yang gagal menjaringkan dua gol keemasan ketika Brunei menentang Pahang dua hari sebelumnya telah berjaya membantu jabatannya, Letrik untok menjaringkan gol penentu meraih kejuaraan liga jabatan-jabatan kerajaan bagi Daerah Belait.

Gol tersebut dijaringkan di minit ke-2 dalam masa tambahan setelah kedudokan kedua pasukan seri 3-3 sehingga masa permainan ditamatkan.

Jabatan Letrik terpaksa berhempas-pulas untok menundukkan Gabungan Penerangan, Bandaran dan Pos yang juga menyelitkan penjaring gol kemenangan Brunei keatas Pahang, melalui penyerang Jaafar Sulong di perlawanan akhir yang telah berlangsong di Padang Penglima, Kuala Belait pada 9hb. Januari lepas.

Selain dari Jaafar Sulong, penjaring pasukan gabungan tiga jabatan itu adalah terdiri dari Sulaiman Sirat dan Zain Osman sementara Razak Karim dan Bujang (2 gol) serta Majidi menjaringkan gol bagi Letrik.

Keadaan padang yang becak di sebabkan oleh hujan, tidak menghalang kedua pasukan untok mempamerkan permainan yang cantek sehingga menghasilkan tujoh jaringan gol.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin telah menyampaikan hadiah-hadiah kemenangan kepada johan dan naib johan serta pemenang ketiga dan keempat iaitu Perubatan dan Pelajaran.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## KENYATAAN TAWARAN

### CONSTRUCTIONS AND COMPLETIONS OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN

### PACKAGE I

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong-pemborong Kelas A sehingga hari Isnin 21hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah: —

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE I.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut: —

TAWARAN UNTUK:
CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE I.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

ASSOCIATED CONSULTANTS PTE. LTD.
No. F11, Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan, Brunei

mulai dari hari Rabu 19hb Januari 1983 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 14hb Februari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit Sahaja) dalam bentuk bank draft adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut: —

a. Pemborong-pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki;
b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

### PACKAGE II

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong-pemborong Kelas A sehingga hari Isnin 21hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah: —

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE II.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut: —

TAWARAN UNTOK:
CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE II.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

ASSOCIATED CONSULTANTS PTE. LTD.
No. F11, Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan, Brunei

mulai dari hari Rabu 19hb Januari 1983 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 14hb Februari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit Sahaja) dalam bentuk bank draft adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut: —

a. Pemborong-pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki;
b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

### PACKAGE III

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong-pemborong Kelas A sehingga hari Isnin 21hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah: —

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE III.

2. Tawaran-tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut: —

TAWARAN UNTOK:
CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE III.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

ASSOCIATED CONSULTANTS PTE. LTD.
No. F11, Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan, Brunei

mulai dari hari Rabu 19hb Januari 1983 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 14hb Februari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit Sahaja) dalam bentuk bank draft adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut: —

a. Pemborong-pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki;
b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

### PACKAGE IV

TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong-pemborong Kelas A sehingga hari Isnin 21hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah: —

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE IV.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut: —

TAWARAN UNTOK:
CONSTRUCTION AND COMPLETION OF FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN — PACKAGE IV.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut:—

ASSOCIATED CONSULTANTS PTE. LTD.
No. F11, Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan, Brunei

mulai dari hari Rabu 19hb Januari 1983 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 14hb Februari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit Sahaja) dalam bentuk bank draft adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut: —

a. Pemborong-pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki;
b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara di tingkat bawah bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Ithnin 14hb. Februari 1983 jam 12.00 tengahari untuk membekalkan alat-alat berikut bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan:

i) Membeli Alat Pembesar Suara untuk Masjid Jamalul Alam, Kuala Belait. — 1 set

ii) Membeli Alat Pembesar Suara untuk Masjid Utama Mohammad Salleh, Temburong. — 1 set

iii) Membeli Alat Pembesar Suara (amplifier 200W). — 4 set

iv) Membeli Janakuasa Mudaleh (Portable Generator). — 4 biji

v) Membeli Column Amplifier Complete Set. — 4 set

vi) Membeli Alat Pembesar Suara untuk Masjid-masjid Kampong. — 5 set

vii) Membeli Alat Pembesar Suara untuk Masjid Setia Ali, Muara. 1 set

viii) Membeli Alat Pembesar Suara untuk Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan. — 1 set

2. Wang deposit ... perkara tersebut ... dibayar ke Jabatan Hal ... Ugama, Bandar Seri B... di Bahagian Kewangan ... kat pertama, bilek no ... sebanyak $300.00 (ti... ringgit sahaja) pada ... masa waktu pejabat ... sehingga pada hari Sabtu ... Februari 1983 jam ... petang.

3. Syarikat-syarikat ... menghantar tawaran ... adalah dikehendaki me... kan catalogue (gambar) ... alat-alat tersebut ya... tawarkan serta menya... butir-butir seperti beriku...

i) Tarikh Sampai k... nei.

ii) Harga sebuah al... sebut termasuk cukai ... ke Brnei.

iii) Lama dalam Ja... dan

iv) Lain-lain hal jika ...

4. Butir-butir tawaran ... penerangan-penerangan ... boleh dilihat dan dipe... dari Jabatan Hal Ehwal ... ma, Bandar Seri Beg... (Bahagian Tawaran) ti... pertama bilek no: 205.

5. Kerajaan tidak aka... ikat menerima tawaran ... paling murah atau seba... tawaran mengenainya.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara ditingkat bawah bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Ithnin 14hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari untuk membekalkan alat-alat yang berikut bagi Khutub Khanah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan: —

i. Book Shelving 72" XHX36W X 12D — 205 buah

ii. Moem Magazine Shelving — 2 buah

iii. Reading Table Formica 2′ × 3′ Finishing in White Formica — 100 buah

iv. Meja ukuran 4′ × 8′ — 20 buah

v. Kihara Card Case Cabinet Model 5225 — 4 buah

vi. Kik Step Stool Height 14 Inches Diameter of base 15½ inches — 8 buah

vii. Kerusi (Library Chair No. 840) — 220 buah

2. Wang deposit me... perkara tersebut hendakl... bayar ke Jabatan Hal E... Ugama, Bandar Seri Beg... di Bahagian Kewangan, ... kat pertama, bilek No. ... sebanyak $200.00 (dua ... ringgit) pada bila-bila ... waktu pejabat dibuka se... ga pada hari Sabtu ... Februari 1983 jam 3.00 ... tang.

3. Syarikat-syarikat ... menghantar tawaran me... adalah dikehendaki meny... kan catalogue (gambar) ... alat-alat tersebut yang ... tawarkan serta menyat... butir-butir seperti berikut...

i. Tarikh sampai ke ... nei

ii. Harga sebuah alat ... sebut termasuk cukai ... ke Brunei

iii. Lama dalam jamin... dan

iv. Lain-lain hal jika ...

4. Kerajaan tidak akan ... kat menerima tawaran ... paling murah atau seba... tawaran mengenainya.

## JABATAN LAUT, BRUNEI

### Kenyataan Tawaran Bil. 1 Tahun 1983

Membekal Mini-Bas (15) Lima-Belas Orang Penumpang

TAWARAN-tawaran adalah di jemput oleh pengurusi, Lembaga Tawaran, Brunei yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Brunei hingga jam 4.00 petang pada 30hb. Januari, 1983.

Bagi: —

MEMBEKAL SATU YUNIT MINI-BAS LIMA BELAS ORANG PENUMPANG.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti Pemborong. Sampul surat itu mestilah ... tanda dengan: —

"TAWARAN MINI-B... UNTUK JABAT... LAUT".

3. Tawaran-tawaran mes... ditujukan kepada Peng... Lembaga Tawaran seperti ... mat yang ditunjukkan di ...

4. Keterangan-keterangan ... ngkap bolehlah diperoleh ... ri Pejabat Pengarah Laut, ... ngunan Kastam Diraja, B... dar Seri Begawan, Brunei.

5. Kerajaan tidak akan ... ikat untuk menerima ... rang tawaran atau ta... yang rendah.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PENGURUS LADANG :

(di Jabatan Pertanian).

C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Laki-laki yang berumur 30 tahun ke atas.
b) Mempunyai pengalaman dalam bidang pertanian dan pengurusan stesen.
c) Boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
d) Kelulusan Akademik dan pengalaman yang terdahulu adalah satu keutamaan.

2. AHLI BOMBA :

(di Jabatan Penerbangan Awam).

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Umur: Antara 18 hingga 28 tahun.
b) Tinggi: Sekurang-sekurangnya 5' 4".
c) Pelajaran: Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya dan hendaklah fasih dalam bahasa Inggeris supaya dapat melaksanakan tugas-tugas Bilek Kawalan Kecemasan. Keutamaan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebih tinggi.
d) Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai lesen memandu Kelas III dan sebaik-baiknya Kelas V juga. Sihat dan lulus peperiksaan doktor.

**Latihan :**

Calon-calon yang berjaya dikehendaki menjalani latihan sekurang-kurangnya selama 6 bulan di Brunei. Tertaklok kepada kejayaan dalam latihan tersebut. Calon-calon mungkin dihantar keseberang laut untuk latihan keahlian bomba (Firemanship Training) untuk membolehkan mereka memperolehi kelayakan dalam tugas-tugas menyelamat dan mencegah kebakaran kapalterbang.

Setelah ditetapkan dalam jawatan masing-masing, mereka yang telah berjaya menamatkan latihan keahlian bomba (Firemanship Training) serta memperolehi sijil kecekapan (Certificate of Competency) termasuk "Class V Driving Operations" dan menjalankan tugas-tugas "operations" sepenohnya akan dinaikkan ketangga gaji P2.

**Masa Bertugas :**

Kakitangan yang perkhidmat dengan Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang dikehendaki bekerja bergilir-gilir (shift) atau pada waktu-waktu lain yang diperlukan untuk menjamin supaya Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang dapat memberi khidmat yang cekap.

**Tangga Gaji P1 EB2 :**

Rekrut $375.00 sebulan serta Elaun 'P' $100.00 sebulan.

Setelah tamat tempuh perkhidmatan yang memuaskan selama 6 bulan, calon-calon akan dilantek sebagai Ahli Bomba dengan gaji $480.00 sebulan dalam tangga gaji $480-685 sebulan.

3. PENYELENGGARA SETOR TINGKAT II :

(di Jabatan Letrik)

D. 2 EB. 3-4 — $515-$1175 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Lapuran Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 10hb Februari, 1983.

(E/439/76)
(Bil : 3/1983)

## TAWARAN JABATAN SETOR-SETOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengahari, hari Isnin, 24hb Januari, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Setor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Brunei.

Tawaran Bil. 139/82—Pembekalan Asbestos Cement Presure Pipe and Joints to B.S. 486/1966 Class 'B' Bitumen Dipped Pipes to be suitably protected Against Chipping at ends. Pipes should be in standard length of 4 metres.

Tawaran Bil. 140/82—Pembekalan Steel Pipes and Fittings shall conform to B.S. 3601 of 1982 etc.

Tawaran Bil. 141/82—Pembekalan Cast Iron Plain Ended Sluice Valve to B.S. 1218 Class I fitted with spindle cap arranged for clockwise closing etc.

Tawaran Bil. 142/82—Pembekalan Cast Iron Specials and Fittings to B.S. 78/65 and 2035/66 Flanges Drilled to B.S. 10 Table 'D' suitable for use with A.C. Pipe Class 'B'.

Tawaran Bil. 143/82—Pembekalan Soda Ash Granular (Sodium Carbonate).

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Setor-setor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

---

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengurusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengahhari, hari Isnin 7hb. Februari, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut dibawah untuk Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Brunei.

Tawaran Bil. 1/83 — Pembekalan Toilet Paper Roll.

Tawaran Bil. 2/83 — Pembekalan Harpic, Detol dan Teepol.

Tawaran Bil. 3/83 — Pembekalan Spare Parts for Wallace & Tiernan Chlorinator.

Tawaran Bil. 4/83 — Pembekalan Spare Parts for Penwalt Wallace & Tiernan.

Tawaran Bil. 5/83 — Pembekalan Spare Parts for Flygt Pump Model B2125

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Setor-setor dan Perbekalan Negara, Batu 3½ Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

## PEJABAT DAERAH BELAIT
## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan kenderaan bagi kepunyaan Pejabat Daerah Belait :

Membekalkan CIF Brunei:—
Satu (1) Yunit Land Rover Long Wheel Base

ATAU

Satu (1) Station Wagon 4 4 Wreel Drive.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan (specification) bagi kenderaan ini bolehlah didapati dari Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada "Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei" dialamat Jabatan Kewangan Negara, Brunei dengan terang dinyatakan "Membekalkan Kenderaan Untuk Pejabat Daerah Belait" dengan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan nama-nama penawar di sampul surat itu. Dan tawaran-tawaran itu hendaklah dihantar tidak lewat pada 7hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat pada tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cengkeram sebanyak $200.00 hendaklah dibayar kepada Pejabat Daerah Belait pada bila-bila masa pejabat dibuka.

5. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis kenderaan tersebut yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut:—

i) tarikh sampai.
ii) harga CIF Brunei.
iii) lama dalam jaminan.
iv) lain-lain hal, jika ada.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT BRUNEI
## VEHICLE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon Monday January, 31st 1983.

2. Tenders received after the stipulated date and time will be rejected.

3. Tenders are for supply for the following vehicels:—
Light Vans — units 18
15 cwt Pick-Ups — units 2

4. Approximate date of delivery must be stated. All prices quoted CIF.

5. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—
"TENDERS FOR SUPPLY OF VEHICLES TO TELECOMS DEPARTMENT BRUNEI."
bearing no indication of the name of the tenderer.

6. Further details may be obtained from the Office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darusalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposited of $200.00.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PROPOSED MARKET AT GADONG SITE PREPARATION AND EARTHWORKS

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong-pemborong Kelas B ke atas sehingga hari Isnin 7hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah : —

SITE PREPARATION AND EARTHWORKS FOR PROPOSED MARKET AT GADONG.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTUK :
SITE PREPARATION AND EARTHWORKS FOR PROPOSED MARKET AT GADONG.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

HO KWONG YEW DAN ANAK2 AKITEK
406. Bangunan Guru-Guru Melayu
Bandar Seri Begawan

mulai dari hari Rabu 19hb Januari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

## THE SUPPLY AND INSTALLATION OF BUILT-IN FURNITURE TO MUARA SECONDARY SCHOOL

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan. Brnuei dari Pemborong Specialists sehingga hari Isnin 31hb Januari 1983, jam 12.00 tengah hari bagi pembinaan projek yang tersebut dibawah: —

THE SUPPLY AND INSTALLATION OF BUILT-IN FURNITURE TO SECONDARY SCHOOL, MUARA, BRUNEI.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan diatas akan tidak dilayani.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTUK :
THE SUPPLY AND INSTALLATION OF BUILT-IN FURNITURE TO SECONDARY SCHOOL, MUARA, BRUNEI.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

SAA PARTNERSHIP
Yunit 1, Blok E,
Tingkat Pertama
Bangunan Jefri Bolkiah,
Seri Kompleks
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

mulai dari hari Sabtu 22hb Januari 1983 hingga jam 4.00 petang • hari Khamis 27hb Januari 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 (Ringgit Dua Ratus Sahaja) adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kapada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut : —

a) Pemborong - pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki;
b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran adalah dijemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemborong-pemborong Kelas A sehingga hari Isnin 21hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari bagi pembinaan projek yang tersebut di bawah:—

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF 32 BLOCKS OF CLASS 'B' FLATS AND 9 BLOCKS OF CLASS 'C' FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang disebutkan di atas akan tidak dilayani.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pemborong dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ditanda dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTUK :

CONSTRUCTION AND COMPLETION OF 32 BLOCKS OF CLASS 'B' FLATS AND 9 BLOCKS OF CLASS 'C' FLATS FOR GOVERNMENT STAFF HOUSING AT JALAN KEBANGSAAN.

4. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran yang berkenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang berikut : —

ASSOCIATED CONSULTANTS PTE. LTD.
No. F11,
Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex,
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

mulai dari hari Rabu 19hb Januari, 1983 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 14hb Februbari, 1983.

5. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit Sahaja) dalam bentuk bank draft adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan semua pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa dan melihatkan perkara-perkara yang berikut : —

a) Pemborong - pemborong itu adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kategori pemborong yang dikehendaki;
b) Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar di Brunei yang menunjukkan bank-bank itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sebanyak 10 peratus dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

8. Keraiaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMERITAHUAN TAWARAN

SYARIKAT-syarikat Tempatan adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara di tingkat bawah bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin 7hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari untuk membekalkan mesin rumput yang berikut bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan:—

i. Mesin Rumput Biasa — 65 buah; dan

ii. Mesin Rumput (Bersikut) — 8 buah

2. Wang deposit mengenai perkara tersebut hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan di Bahagian Kewangan, tingkat pertama, bilek No. 202 sebanyak $300.00 (tiga ratus ringgit) pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka sehingga pada hari Sabtu 5hb Februari 1983 jam 3.00 petang.

3. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menyertakan catalogue (gambar) jenis mesin-mesin yang ditawarkan serta menyatakan butir-butir seperti berikut:—

i. Tarikh sampai ke Brunei;

ii. Harga sebuah mesin temasuk cukai masuk ke Brunei;

iii. Lama dalam jaminan; dan

iv. Lain-lain hal jika ada.

4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenainya.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN DI JABATAN PERKHDIMATAN-PERKHDIMATAN LETRIK

TAWARAN BIL: 157/1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Pemasangan Letrik berdaftar Kelas "A" dan "B" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausara Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengahari, hari Isnin 24hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTUK 14 BLOK PERUMAHAN KELAS "C" DAN 20 BLOK PERUMAHAN 2 YUNIT KELAS "G" DI PERKHEMAHAN A.M.D.B., PENANJONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $300.00.

TAWARAN BIL. 159/1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Pemasangan Letrik berdaftar Kelas "A" dan "B" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengahari, hari Isnin 24hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTUK DEWAN MAKAN DAN TUCKSHOP DI SEKOLAH MELAYU SENGKARAI, TUTONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $200.00.

TAWARAN BIL. 1/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengahari Isnin, 21hb Februari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

PEMBEKALAN KABINET MEMBUAT 151 JENIS PERKAKAS-PERKAKAS BENGKEL.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $300.00.

## SEBAGAI WADAR

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Maha Mulia Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Wadar di Jabatan Penjara, Brunei.

Kelayakan2:

a) Berumor antara 18 hingga 25 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah Enam (VI) Sekolah Melayu atau darjah sebanding dengannya di Sekolah Inggeris. Kelulusan yang lebih tinggi adalah satu keutamaan.

c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 2 inci.

d) Dada sekurang-kurangnya 31 inci apabila tidak ditarik nafas.

e) Tubuh badan sihat dan tegap serta lulus pemeriksaan kesihatan yang dibuat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

Tangga Gaji:

P1 EB2 — $480 490 ... 520 530 ... 560 570 ... 600 EB ... 625 635 ... 655 665 ...

Alaon "P" sebanyak ... sebulan.

Seseorang yang ... kn... dengan ... daklah menghantar ... honannya melalui K... batannya dan Ketua ... itu hendaklah me... bersama-sama dengan ... honan ini satu Lapo... dan satu Salinan ... Perkhidmatan yang ...

Permohonan - per... mestilah dihantar ... salinan borang yang ... dapati daripada Jaba... watan, Brunei dan ... dikembalikan bersam... dengan surat-surat ... sijil persekolahan ke ... Penjara, Bandar Se... wan, Brunei tidak lew... 15hb Febuari, 1983.

## TENDER NOTICE

### PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 4/5 AND MILE 5/5 JALAN BERAKAS

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the State Secretariat Office, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Contractors Class AX and with suitable building and civil engineering work experience, up to 12.00 noon Monday January 31, 1983 for the Construction and Completion of:

"PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 4/5 AND MILE 5/5 JALAN BERAKAS."

2. Tender documents can be obtained, during normal office hours, from the office of SPECS (Singapore Engineering and Consultancy Services) at Signal Station, Jalan Pelompong, Muara, on payment of a Tender Deposit of $500.00 in the form of Bank Draft in favour of the Brunei Government. The Tender Deposit will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of bona-fide tender and the return of issued Tender Documents and Drawings to the Engineer's Office.

3. Before the Tender Documents will be issued, the tenderer shall also submit the following documents to the Consulting Engineers:

(i) Documentary Evidence of P.W.D. Registration Status.

(ii) A Banker's reference letter from a bank established in Brunei, on the tenderer's financial status and confirming the Bank's willingness to provide a Performance Bond of 10 percent of Contract Value in the event of award of contract.

4. Tender must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PEDESTRIAN LANES AT BRIDGES MILE 4/5 AND MILE 5/5 JALAN BERAKAS".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN-TAWARAN

SYARIKAT-syarikat adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara di tingkat bawah bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin 7hb Februari 1983 jam 12.00 tengahari untuk membekalkan kenderaan-kenderaan yang berikut bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Bagawan:—

i. Mini Bus (muatan 25 orang penumpang) — 3 buah

ii. Land Rover — 2 buah

iii. Tractor Model MF 210 Complete (Massey Ferguson) — 3 buah

2. Wang deposit mengenai perkara tersebut hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan di Bahagian Kewangan, tingkat pertama, bilek No. 202 mengikut keterangan-keterangan yang ditentukan seperti berikut pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka sehingga hari Sabtu 5hb Februari 1983 jam 3.00 petang:—

i. Mini Bus (muatan 25 orang penumpang — $200.00

ii. Land Rover — $200.00

iii. Tractor Model MF 210 Complete (Massey Ferguson) — $200.00

3. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menyertakan catalogue (gambar) jenis kenderaan-kenderaan yang ditawarkan serta menya... butir-butir seperti beri...

i. Tarikh sampai k... Brunei;

ii. Harga sebuah k... an termasuk cuk... suk ke Brunei;

iii. Lama dalam ja... dan

iv. Lain-lain hal jik...

4. Kerajaan tidak aka... kat menerima tawara... paling murah atau ... tawaran mengenainya.

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF UNIFORM CLOTH AND CLOTH... FOR THE GURKHA RESERVE UNIT

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, a the office of the State Financial Officer, State Secretariat, Bandar Seri Begawan, up to 1200 hrs Monday 14th February 1983, for the supply of the following items of uniform for the Gurkha Reserve Unit: —

2. UNIFORM CLOT...

a. Khaki Dacron P... Viscose 65% 35... ing, 58 inches w... 12,000 yds.

b. White Dacron ... 80% Cotton 2... ing, 58 inches ... 2,000 yds.

c. Black Dacron ... Wool Suiting D... inches wide — 2...

3. SHORTS PT DA... BLUE

Size 1 Qty ...
" 2 ...
" 3 ...
" 4 ...

4. SHOES PT CAN... WHITE

Size 39 Qty ...
" 40 ...
" 41 ...
" 42 ...
" 44 ...

5. VESTS OLIVE ... DRAB

Size M Qty ...
" L ...
" XL ...

6. NETS MOSQU... RECTANGULAR (Nylon Single ...)

7. Samples of the ... other items required ... with tender forms ... tained from the Quar... ter Gurkha Reser... Securusp Camp Berak... Bandar Seri Begawan.

8. All tenders for ... Cloth must be acco... by samples of cloth ... No deviation in colour ... ture from the Gurkha ... Unit Sample Cloth ... accepted.

9. Tenders should be ... ted in plain sealed ... marked "TENDER ... UNIFORM CLOTH ... CLOTHING, GURKHA ... SERVE UNIT".

10. Government ... bind itself to accept the ... est or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN J.K.R.

BIL. 1 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahari pada 31hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN BANGUNAN SEKOLAH TERMASUK DEWAN MAKAN DAN LAIN-LAIN BAGI SEKOLAH MELAYU ABDUL RASHID DI TANJONG MAYA, TUTONG.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

BIL. 2 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah pemborong pengangkut tanah Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan seringga jam 12.00 tengahari pada 31hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANAH TEMBOK KEPADA JALAN LIMAU MANIS-LUMAPAS YANG DICADANGKAN, DAERAH B. S. BEGAWAN/MUARA.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

BIL. 3 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Pengangkat Tanah Kelas "B" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahari pada 31hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

MENGADAKAN PASIR PANTAI KE-DEPO J.K.R. BERAKAS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

BIL. 4 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan keatas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahari pada 31hb Januari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

PEMBINAAN DAN PENYIAPAN SISTEM PARIT CENTRE MEDIAN ISLAND DI BATU 3½, JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## R.B.M.R. TENDER NOTICE

TENDER No. 3/1983

SUPPLY OF VARIOUS PHARMACEUTICAL DRUGS TO RBMR.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated June 1982 are to apply.

2. Tenders will only be accepted from authorised Pharmaceutical distributors under the Poisons Enactment.

3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 21st February, 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN DI JABATAN 'ADAT ISTIADAT

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengahari pada 31hb Januari, 1983 bagi membekalkan Kerusi-kerusi Grandstand, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Contoh-contoh dan jumlah kerusi-kerusi tersebut boleh dilihat dan didapati di Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "ADAT ISTIADAT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KERUSI-KERUSI GRANDSTAND, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dan nama pemborong tidak perlu dinyatakan di sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:—

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a. Pegawai Kewangan Negara,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Kerajaan adalah berhak untuk menolak tawaran yang rendah atau mana-mana tawaran.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei seringga jam 12.00 tengahari pada 14hb Februari, 1983 bagi membersih Bangunan Lapau dan Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Butir-butir lanjut boleh didapati dari Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei pada bila-bila masa di waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akas ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "TAWARAN MEMBERSIHKAN BANGUNAN LAPAU DAN DEWAN PERSANTAPAN LAPAU" dan nama pemborong tidak perlu dinyatakan di sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pegawai Kewangan Negara,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Kerajaan adalah berhak untuk menolak tawaran yang rendah atau mana-mana tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di-dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. PENYEMAK KANAN:
(di Dewan Bahasa dan Pustaka)
C. 1-2 EB. 3 — $1110-1980 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya dalam 3 mata-pelajaran di peringkat biasa (tidak termasuk senilukis).

b) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kerja-kerja penyemakan buku dan majalah sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

c) Boleh menguasai dua bahasa (salah satu daripadanya bahasa Melayu) serta dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

2. FORMAN WORKSHOP:
(di Jabatan Pelabohan-Pelabohan)
D. EB. 5 — $980-1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang telah tamat satu perlatihan dalam kejuruteraan mekanikal dalam pertubohan yang diluluskan atau 3 tahun kursus penuh masa di sekolah teknikal yang di-akui dan mempunyai kelayakan City and Guilds di dalam Pengajian-Pengajian Automotif.

b) Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya mempunyai empat tahun pengalaman praktikal dalam kerja-kerja automotif atau peralatan berat semasa menamatkan perlatihan atau mendapatkan kelayakan.

c) Pemohon-pemohon mestilah berpengalaman dalam pemeliharaan dan membaiki enjin-enjin disil.

d) Pemohon-pemohon hendaklah bersedia untuk bertugas di kawasan Muara.

3. PENYELIA TEMPATAN GUDANG : (di Jabatan Pelabohan-pelabohan)
D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 30 tahun dan telah tamat dalam pelajaran menengah.

b) Tugas-tugas utama lantikan ini ialah mengurus anggota buruh pelabohan dan pergerakan dan melicinkan perjalanan barang-barang muatan melalui pelabohan baharu di Pelabohan Muara.

c) Kelayakan dalam jawatan pembantu kerja atau bahagian teknikal dalam Lembaga Pelabohan atau pertubuhan yang sebanding dengan mempunyai pengalaman yang lengkap dalam perusahaan perkapalan dan gerakan-gerakan pengangkutan barang-barang muatan dan dokumen-dokumen adalah dikehendaki.

d) Pengetahuan dalam Bahasa Inggeris adalah dikehendaki bagi tugas-tugas lantikan ini.

4. PENOLONG PENYUNTING :
(di Dewan Bahasa dan Pustaka)
D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau sebanding dengannya dan mendapat kepujian cemerlang dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan Kesusteraan Melayu.

b) Mempunyai pengalaman dalam penyuntingan buku atau majalah dan berbakat dalam karang-mengarang.

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai 2 bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan juga berkebolehan membaca dan menulis Jawi dengan baik.

d) Pernah menghasilkan karya dalam majalah atau suratkhabar.

5. PENOLONG PENGAJAR :
(di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan)
D.1-2-3 EB.4-5—$425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di atas, juga akan diberi pertimbangan jika mereka mempunyai pengalaman-pengalaman dan latihan kemahiran dalam salah satu bidang berikut:—

i) Anyaman bakul daripada rotan atau lain-lain kraft tangan.

ii) Kemahiran dalam menggunakan kaedah pengajaran huruf timbul (braille) samada di dalam bahasa Melayu atau Inggeris diperingkat rendah atau menengah.

c) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengajaran orang-orang buta.

6. PENYELENGGARA SETOR TINGKATAN III :
(di Jabatan Muzium)
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Setor boleh juga dipertimbangkan.

7. TUKANG LETRIK : (KENDERAAN) —
(di Askar Melayu Diraja Brunei)
E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 18 hingga 45 tahun dan mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam pekerjaan yang berkenaan.

8. PEMANDU TINGKAT I:
(di Jabatan Perubatan dan Kesihatan)
F. 3-4-5 EB. 6—$430-$620 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

3. PEMANDU TINGKAT II:
(di Jabatan Perubatan dan Kesihatan)
F. 3-4 EB. 5 — $430-$650 sebulan.

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam negeri.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak lah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 31hb Januari, 1983.

(E/478/78)

(Bil : 1/1983)

## ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

**No. 3 (AC) 1983**

TENDERS will be received from registered Air-Conditioning Constractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on 7th February, 1983 for:
AIR CONDITIONING INSTALLATION, CIVIC CENTRE, TUTONG.

Tender documents, conditions and all particulars can be obtained at the office of the Building Services Section, Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE

### TENDER NOTICES

**No. 1/1983**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 7th February, 1983.
MUARA BASE JETTY ACCESS LADDERS — 12 NOS.
2. Details can be obtained from OC Marine, Police Base, Muara.
3. Approximate date of delivery and prices must be stated.
4. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and cleary marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF ACCESS LADDERS"
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**No. 2/1983**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 7th February, 1983.
2. Details can be obtained from Stafff Officer C, Police Headquarters, Gadong.
3. Approximate date of delivery and installation must be stated with prices.
4. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and cleary marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF MARINE PAINTS"
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**No. 3/1983**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 7th February, 1983:—
PHOTOGRAPHIC MATERIALS
2. Particulars can be obtained from Staff Officer 'C' Police Headquarters, Gadong.
3. Approximate date of delivery and prices must be quoted CIF Brunei.
4. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF PHOTOGRAPHIC MATERIALS"
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**No. 4/1983**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon Monday 17th January, 1983.
1 unit Holden Premier or Caprice
Specifications
Sedan
Engine: OHV — V8 5 litre (gasoline)
Brake: Power assisted 4 wreels disc.
Transmission: Automatic 3 — speed
Speedometer: MPH/KPH
Airconditioning: Factory fitted
Power steering
Cruise control
Heavy duty radiator
Heavy duty axle
Colour: Black
2. Approximate date of delivery to Police Headquarters, Gadong must be stated. All price quoted on CIF Brunei including licensing and licence plate.
3. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF VEHICLES"
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**No. 5/1983**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon Monday 28th February, 1983.
1. 3 (three) units 25 seater factory fitted air-condition buses.
2. 1 (one) unit 15 seater bus.
2. Approximate date of delivery must be stated and all prices quoted CIF Brunei.
3. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF VEHICLES"
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**No. 6/1983**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 28th February, 1983.
6 (six) — 10 (ten) units Land Rover or equivalent
Specifications:
Long wheel base with minimum 4 doors
4 wheel drive
Towing attachment
Petrol engine
Power steering
Colour: white
2. Approximate date of delivery must be stated and all prices quoted CIF Brunei.
3. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF VEHICLES"
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**No. 8/1983**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 28th February, 1983.
1. 4 (four) units 3 tonner trucks (with roof)
2. 1 (one) unit 3 tonner truck (open bedded)
2. Approximate date of delivery must be stated and all prices quoted CIF Brunei.
3. Tenders must be placed in sealed envelope and the cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF VEHICLES"
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**TENDER NO. 14/1983**

1. Particulars can be obtained from Staff Officer 'C', Police Headquarters, Gadong, Brunei.
2. Prices to include duty payable and delivery to Police Headquarters, Gadong, Brunei.
3. Date of delivery to be stated.
4. Tenders should be placed in sealed envelope and marked as follows:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF COMMUNICATION & ELECTRONIC EQUIPMENT"
5. Tenders should be placed in the Tenders Box Situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 21st February, 1983.
6. The Government of Brunei noes not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT TENDER NOTICE PROJECT 1003

1. TENDERS are invited from registered Telecom Contractors with A Classification.
2. The said tenders are for Cabling to RBMR Berakas Camp staff housing, hauling cable into ducts jointing cables and laying buried cable.
3. Tenders will be received by the Chairman of Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 31st January 1983. Tenders received after the said time and date will be rejected.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER PROJECT 1003

bearing no indication of the name of the tenderer.
5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenders. Tender deposit will be forfeited by any tenderer who fails to submit a tender.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.
7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 27th January 1983 at main entrance to RBMR Berakas Camp. Tenders will not be accept from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## Persatuan2 profesional diingatkan:

# JANGAN ABAIKAN CIRI2 KEHIDUPAN

Oleh : MOHAMAD SALIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz mengingatkan persatuan-persatuan profesional supaya tidak akan mengabaikan ciri-ciri kehidupan yang terdapat di negeri ini.

Katanya, perkara demikian adalah juga menjadi tekad kerajaan untuk terus menseimbangkan perkembangan material dengan pertumbuhan kesuburan rohani rakyat dan penduduk negeri ini.

"Kerana dalam keperluan sebagai sebuah negeri yang moden kita mestilah juga mempertahankan tradisi yang tidak merugikan. Setiap persatuan mestilah menyedari hakikat ini dan tidak akan mengingkarinya," ujarnya.

Berucap di majlis ulang tahun kelima Persatuan Kimia Brunei yang diadakan baru-baru ini, Yang Amat Berhormat menambah untuk membolehkan sesebuah persatuan dapat memberikan khidmatnya dengan berkesan kepada negeri ini ianya mestilah dalam keadaan solid.

Tambahnya, untuk menjadi solid, persatuan itu tidak semata-mata bergantung kepada keramaian ahlinya, tetapi yang penting ialah kepimpinannya mestilah sempurna, objektifnya mestilah tegas dan perjalanannya wajarlah steady.

"Persatuan yang rebah rimpah perjalanannya tentu tidak akan dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan," beliau mengingatkan.

Terdahulu dalam ucapannya Yang Amat Berhormat penuh percaya bahawa pertubuhan-pertubuhan profesional di negeri ini telah lama menyedari betapa pertumbuhan mereka tidak hanya memberi khidmat kepada ahli-ahli, malah apa yang dihasratkan ialah mereka akan mengutamakan tanggungjawab kepada negeri ini dalam bidang kemahiran masing-masing.

"Dengan kata lain persatuan-persatuan seperti halnya Persatuan Kimia ini akan menjadikan dirinya sebagai salah sebuah daripada ejen untuk mencapai objektif kerajaan dalam membangun negeri ini," ujar Yang Amat Berhormat.

Dengan hakikat demikian tambahnya, akan dapat menjauhkan sifat nafsunafsi, kerana sesebuah persatuan yang dinamik tentunya tidak akan gemar terhadap sifat demikian.

"Saya percaya Persatuan Kimia ini yang mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada golongan intelektual yang berkelibar, mempunyai pandangan luas terhadap perkembangan-perkembangan di dalam dan di luar negeri, mempunyai kemampuan untuk mencapai hasrat negeri ini," katanya.

Menjelaskan usaha kerajaan untuk meluas dan meninggikan lagi tahap penerimaan dan pemahaman sains dan teknologi di negeri ini, beliau berkata, "Persatuan ini mempunyai kelayakan dan kemampuan bagi mempercepatkan proses pencapaian hasrat kerajaan itu."

Yang Amat Berhormat juga berharap Persatuan Kimia akan berdamping rapat dengan Jabatan Pelajaran dalam usaha memberikan sumbangan yang berkesan kepada negeri ini.

"Saya turut berharap semoga persatuan ini akan sentiasa menempuh kejayaan dalam apa jua yang dirancangkannya sematamata bagi faedah yang menguntungkan kepada ahli-ahli persatuan khasnya dan rakyat serta penduduk negeri ini amnya," kata Yang Amat Berhormat.

Terdahulu dari itu Yang Dipertua Persatuan Kimia, Awang Majid bin Hj. Abdul Rahman dalam ucapannya memberitahu bahawa persediaan untuk menerbitkan "Bulletin" persatuan telah pun dibuat oleh Lembaga Jawatankuasa Tertinggi.

Menurutnya, bulletin tersebut antara lain akan membuat berbagai topik kimia yang dikumpulkan diberbagai-bagai bidang seperti penggunaan sains kimia dalam perubatan, perindustrian, pertanian, alam sekitar, sains forensik, pelajaran dan penyelidikan.

Beliau berkata, penggunaan sains kimia dalam berbagai bidang sangatlah penting dalam mempengaruhi kehidupan kita sehari-hari.

"Dalam pencemaran alam sekitar kami telah menyentuh aspek-aspek udara dan pencemaran air. Ahli-ahli kimia memainkan peranan penting untuk mengawal agar udara dan air sentiasa bebas dari pencemaran," tambah Awg. Majid.



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

## Pertukara[n] Pegawa[i] Kehutana[n]

BANDAR SERI [BEGA]WAN. — Pemeliha[ra] tan, Awang Haji M[...] bin Haji Md Said [...] mumkan pertukara[n] orang pegawai dari [...] an tersebut.

Mereka itu ialah [...] Haji Hafneh bin [...] Salleh ditukar ke B[andar] Seri Begawan seba[gai Pe]gawai Hutan Daera[h Bru]nei dan Muara. M[...] Awang Haji Abd. R[...] ditukar ke Daerah [...] sebagai Pegawai H[utan] daerah tersebut.

Pertukaran mereka [...] mula dari 17hb. J[anuari] 1983.

## Langkah penggunaan ejaan baru sepenuh:

# BANYAK FAEDAH DAPAT DI NIKMATI

Oleh : Muhaimin Haji Muhammad

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebagai sebuah negara yang terkecil tetapi tertua di Nusantara kita amat bertuah kerana sistem ejaan baru yang telah dipakai di negara-negara jiran tetangga Indonesia dan Malaysia dapat kita pelajari dengan teliti.

Kita mempelajari secara terperinci selama lebih sepuluh tahun tentang buruk baiknya sistem ejaan baru itu dan meneliti secara hati-hati tentang masalah-masalah yang timbul dan dihadapi oleh pemakai-pemakainya di negara-negara berkenaan.

Dari pengalaman kita selama itu kita menyedari bahawa amat banyak kebaikan yang akan kita nikmati apabila sistem ejaan baru itu kita terima dan laksanakan sepenuhnya di negara kita ini.

Ini ditegaskan oleh Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ketika berucap merasmikan Kursus Intensif Sistem Ejaan Baru bertempat di Dewan Kuliah Peringatan Churchill di sini pagi semalam.

Pengiran Badaruddin menyatakan, bahawa permodenan sesuatu bahasa itu hanya akan lebih berarti jika soal ejaan sama disempurnakan maka dengan itu keputusan bijaksana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melaksanakan penggunaan sistem ejaan baru Bahasa Melayu secara berperingkat-peringkat mulai awal tahun 1983 adalah suatu langkah yang amat praktikal dan rasional di bidang pembinaan dan pengembangan bahasa d negara kita yang tercinta ini.

Penggunaan sistem ejaan baru, tambahnya, adalah sistem ejaan lama yang telah disempurnakan oleh pakar-pakar dan ahli-ahli bahasa Melayu di rantau ini yang menandakan tercapainya satu lagi tahap kejayaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam hubungan pada mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan bertulis negeri Brunei tahun 1959.

"Dengan melaksanakan penggunaan sistem ejaan baru itu, kita akan dapat 'membahanakan' kepada luar dunia dengan lebih berkesan lagi mengenai diri kita yang sebenar melalui bahan-bahan bercetak yang selama ini kurang tersebar kerana terhalang oleh timbuk sistem ejaan lama. Kita juga berasa lebih positif dalam menyumbangkan apa-apa jua sumbangan di bidang kebahasaan dengan dua negara terbesar pengguna Bahasa Melayu iaitu Indonesia dan Malaysia yang dengan sendirinya pula sama ada diakui atau tidak kita sekarang selaku bangsa yang bermaruah dan negara yang berdaulat dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi di bidang bahasa dengan mereka," tegas Pengiran Badarudin.

Adalah diharapkan melalui kursus intensif sistem ejaan baru ini, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan lebih percaya kepada fungsinya sebagai pusat pembinaan dan pengembangan bahasa di negara kita ini. Beliau juga penuh yakin bahawa penggunaan sistem ejaan baru itu akan dapat dilaratkan bukan sahaja kepada jabatan-jabatan Kerajaan tetapi juga mencakupi firma--firma swasta, insya Allah.

Seterusnya beliau juga merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia kerana sudi menghulurkan kerjasama serta bantuan yang ikhlas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dalam sama-sama mengungkayahkan kursus yang penting lagi bermakna itu.

Kursus intensif sistem ejaan baru yang berjalan selama sebulan itu dikendalikan oleh salah seorang pakar bahasa dari Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia iaitu Awang Ismail bin Dahaman.

Kursus tersebut akan diadakan di ke empat-empat daerah secara berperingkat-peringkat. Beberapa orang pegawai dari jabatan-jabatan Kerajaan akan menyertai kursus tersebut dan sebahagian besarnya adalah terdiri dari guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu.

## Sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan-sambutan Maulud masih diadakan di sana-sini di negeri ini.

Pada hari Ahad lalu dua sambutan yang berasingan telah diadakan. iaitu di Pusat Latehan Pertanian Sinaut dan di Dewan Maktab SOAS.

Majlis pada hari itu di penuhi dengan persembahan nasyid dan dikir. Kemuncak dari acara ialah satu syarahan khas oleh Pegawai Ugama, Awang Haji Abd Rajid bin Haji Abd Kadir.

Kadi Daerah Tutong, Awg. Metussin bin Haji Baki juga hadhir di majlis itu.

Pada malam Ahad Persatuan Bekas Penuntut-Penuntut Maktab SOAS juga mengadakan majlis yang sama. Sambutan tersebut telah di adakan di Dewan Maktab SOAS.

## Perlunya sikap positif belia-belia

Oleh : Shadoon Lamzi

TUTONG. — Pemimpin-pemimpin belia diseru supaya menggerakkan pertubuhan masing-masing bagi menyedarkan ahli-ahlinya tentang perlunya perubahan sikap positif belia-belia untuk tidak terlalu memilih kerja atau terlalu sangat bergantung kepada pekerjaan dalam sektor Kerajaan saja.

Pengarah DBP, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani ketika merasmikan "Hari Muhibbah Belia" bertempat di Pantai Seri Kenangan di sini pagi Ahad lepas yang begitu tertarik terhadap sikap belia-belia di negara-negara Korea dan Jepun di dalam mendapatkan pekerjaan yang pada pendapat beliau patut di contohi.

Di negara-negara tersebut jelasnya, para belia berlumba-lumba memasuki segala bidang pekerjaan tanpa mengira kolar putih atau biru kerana kepada mereka kepentingan negara lebih utama daripada kepentingan sendiri.

"Jika keadaan ini dapat dijadikan contoh, belia-belia di negara kita juga, saya yakin akan tampil kehadapan untuk sama-sama mengisikan apa-apa juga kekosongan jawatan di sektor-sektor swasta yang pada ketika ini terpaksa di penuhi oleh pekerja-pekerja asing," ujarnya lagi.

Bercakap mengenai dengan peranan belia, beliau yang juga selaku Pengerusi Tetap Tertinggi MBB menjelaskan negara kita yang sedang pesat membangun ini memerlukan derma bakti golongan teknokrat dari anak-anak bangsa kita sendiri dan mensifatkan golongan belia di sekolah-sekolah di negara kita ini [...] belia unggul di [...] pembangunan infra[struk]tur sosio ekonomi [...]

"Kehadiran mere[ka] menunjukkan suat[u] tanda perkembanga[n] [...]tal yang sihat di k[...] mereka kerana [...] percaya sumbangan [...] mereka di bidang p[emba]ngunan selaku g[...] teknokrat akan da[pat me]nentukan perkem[bangan] selanjutnya negara [...] bidang ekonomi d[an] usahaan. Kepada [...] beliau ucapkan sy[...] berharap lebih ra[...] para belia akan m[...] jejak langkah de[...] untuk memasuki s[...] sekolah teknikal.

Pengarah DBP [...] jelaskan maklumny[a] kejayaan pertub[uhan-per]tubuhan belia di [...] ini di bidang eko[nomi]

Kejayaan ini j[...] adalah hasil dari [...] luh mereka dan [...] juga merupakan k[...] Kerajaan DYMM.

"Mudah-mudahan [per]tubuhan-pertubuhan di daerah ini ak[an] melahirkan b[...] yang berdisiplin, [...] dan bertanggungja[wab] bagai ejen-ejen pe[...] ngan dan penduku[ng] rat negara yang [...] dan sentiasa sia[p] berkorban sepanj[ang ma]sa," katanya pe[...] harap.

Pertemuan kira-k[ira] pertubuhan belia d[...] ini dianjurkan ole[h] an Kebajikan Be[lia] Sukan Tutong deng[an ker]jasama Pejabat [...] Tutong dan turu[t mem]sembahkan ter[...] tarian-tarian asli d[an] aktibiti belia.